

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KEEMPAT  
*Fourth Session*  
MESYUARAT PERTAMA  
*First Meeting*

---

Jilid IV	Bil. 13	Hari Khamis	16 April 1998
----------	---------	-------------	---------------

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
(Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Fee (Planetarium Negara)(Pengesahan)1997  
( Ruangan )

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998  
(Ruangan )

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1997  
(Ruangan )

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)  
Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N.,  
A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T.  
(Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S.,  
A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.  
(Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.  
(Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S.  
(Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M.,  
P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu  
Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.  
(Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M.  
(Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang  
Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K.  
(Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir  
Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K.,  
K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.

Pemangku Ketua  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Puan Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Puan Ruhana binti Abdullah

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Hajah Supiah binti Dewak  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 16 April 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**SEWA HOTEL DALAM MATA WANG AMERIKA BAGI  
WARGANEGARA ASING**

1. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) mengapa kementerian tidak mengenakan kadar sewa hotel dalam mata wang Amerika kepada warganegara asing yang melancong ke negara ini kerana dengan berbuat demikian ia membanyakkan lagi kemasukan pertukaran wang asing ke negara ini; dan
- (b) sudahkah kementerian membuat analisa mengenai anggaran untung rugi menggunakan mata wang Ringgit berbanding Dolar Amerika dalam pembayaran sewa hotel.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kerajaan tidak membenarkan kadar sewa hotel dalam mata wang Amerika kerana kita perlu memberi keutamaan dan kepercayaan kepada mata wang sendiri. Tindakan ini akan

meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap mata wang Malaysia dan secara tidak langsung meningkatkan nilai mata wang kita kerana setiap pengunjung akan menukar mata wang mereka kepada Ringgit bagi tujuan perbelanjaan. Selain dari itu, nilai mata wang kita yang kompetitif akan menjadikan kadar sewa bilik hotel lebih murah berbanding dengan kadar sewa hotel dalam mata wang Amerika.

- (b) Di atas alasan yang tersebut di atas adalah difikirkan analisa ke atas perkara ini tidak diperlukan.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan nilai mata wang kita masih rendah berbanding Dolar Amerika akibat dari kegawatan ekonomi sekarang ini, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah tindakan jangka pendek dan segera yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk menarik pelancong luar datang ke negara kita, khususnya dari Singapura agar ia dapat membantu kemasukan pertukaran asing ke negara kita ini?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada pergerakan kedatangan pelancong daripada Singapura kadang-kadang kita dapati bahawa mereka begitu mengetahui apa yang sedang berlaku di Malaysia. Kerana semua siaran sama ada radio dan televisyen yang kita siarkan daripada sini boleh didapati di sana. Walau bagaimanapun, untuk memberi makluman yang lebih berkesan, usaha Kementerian Pelancongan di Singapura terutamanya dari segi promosi dipertingkatkan. Oleh kerana boleh dikatakan bahawa kos penginapan dan melancong ke Malaysia adalah rendah, maka kita secara spontan mengarahkan pihak-pihak yang berkaitan dengan perniagaan pelancongan ini mengemukakan pakej-pakej pelancongan berdasarkan kepada harga yang baru berbanding kepada nilai mata wang harga asing. Nampaknya

kesan itu mendapat sambutan yang positif daripada pelancong-pelancong luar negara.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mempromosikan kos yang rendah untuk melancong ke Malaysia, apakah usaha yang dijalankan oleh kementerian Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen untuk membersihkan imej negara daripada berita-berita luar yang membawa khabar-khabar negatif, terutama sekali dari segi jerebu yang melanda, masalah air, kadar kemalangan dan juga jenayah yang dilaporkan dalam media massa sekarang?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, kita harus memahami bahawa pihak media massa di luar negara adalah di luar daripada kawalan kita. Kadang-kadang yang dalam negara pun tidak dengar cakap kita. Walau bagaimanapun, pihak kementerian sentiasa cuba menangani segala berita-berita yang tidak benar yang disiarkan oleh media massa di luar negara. Tetapi kita perlu juga akui bahawa kita mengambil masa untuk membuat tindakan balas. Kadang-kadang kita akui bahawa kesan buruknya telah berlaku. Walau bagaimanapun, kita jangan pula lalai dan tidak mengetahui bahawa pihak-pihak agensi pelancongan di luar negara begitu memaklumi keadaan negara kita daripada berita-berita yang mereka dapat.

Oleh yang demikian, misalnya Yang Berhormat sentuh tentang jerebu yang mana kesan yang paling baik sekali untuk mengatasi berita ini ialah supaya jangan ada jerebu di negara kita. Walau bagaimanapun, mereka tahu bahawa punca besar jerebu ini ialah daripada negara asing dan kadangkala kalau dilihat soal pokok dan asasnya kita tidak mempunyai keupayaan dasar untuk menangani masalah ini secara spontan. Ini mereka ketahui.

Walaupun bagaimanapun, apabila dikaitkan dengan soal pelancongan mereka mempunyai banyak pilihan. Apabila hendak melancong, mereka mempunyai banyak pilihan, dan sudah tentunya perkara-perkara, berita-berita

yang negatif kepada aspek pelancongan negara kita membawa akibat yang tidak berapa baik kepada prospek mendapatkan pelancong-pelancong yang lebih ramai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Tan Kee Kwong.

*[Soalan No. 2 - Y.B. Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) tidak hadir]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Soalan No. 3, ada sedikit pembetulan, Tuan Yang di-Pertua. Selepas perkataan “mata wang” ditambah perkataan “serantau”.

#### **PENGGUNAAN MATA WANG UNTUK PERNIAGAAN - CADANGAN PELAKSANAAN**

3. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kemajuan cadangan pelaksanaan pengguna mata wang serantau untuk perniagaan serantau.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut yang dijadualkan dijawab pada hari ini dan soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ledang dan Bukit Bintang yang dijadual dijawab pada 20 April 1998 dan soalan Ahli Yang Berhormat dari Mersing yang dijadual dijawab pada 7 Mei 1998 hadapan memandangkan soalan-soalan ini menyentuh kepada isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menggunakan mata wang serantau dalam perdagangan Intra-ASEAN telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mengurangkan pergantungan kepada Dolar Amerika Syarikat. Dagangan ini telah mendapat

sokongan ketua-ketua negara ASEAN semasa Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua yang diadakan dari 14 hingga 16 Disember 1997 di Kuala Lumpur.

Berikutan daripada keputusan di atas, Mesyuarat Kedua Menteri-menteri Kewangan ASEAN yang diadakan di Jakarta pada 26 Februari 1998 telah bersetuju supaya mekanisme peraturan pembayaran dua hala ataupun dengan izin, bilateral payment arrangement (BPA) digunakan bagi menggalakkan penggunaan mata wang serantau di dalam perdagangan Intra-ASEAN. Pelaksanaan mekanisme ini di kalangan negara-negara ASEAN adalah secara sukarela dan selaras dengan sistem perdagangan dan pembayaran yang sedia ada. Di peringkat awal BPA adalah dilaksanakan secara dua hala dan diperluaskan ke peringkat pelbagai hala pada masa hadapan.

Di bawah BPA ini kedua-dua buah negara yang telah bersetuju melaksanakannya akan melantik clearing agent masing-masing yang terdiri dari Bank Pusat atau lain-lain bank yang sesuai. Kedua-dua ejen ini akan menyelesaikan bayaran ke atas perdagangan yang diurusniagakan di antara kedua-dua buah negara secara bersih yang dibuat dalam tempoh tertentu seperti setiap bulan ataupun tiga bulan sekali. Mata wang yang digunakan bagi menyelesaikan pembayaran ialah mata wang kedua-dua negara yang terlibat atau mata wang salah sebuah negara ASEAN yang lain. Pemilihan mata wang yang digunakan bergantung kepada persetujuan di antara kedua-dua buah negara yang terlibat. Di bawah persefahaman yang telah dicapai tidak terdapat cadangan untuk menggunakan Dolar Singapura sebagai mata wang tunggal dalam perdagangan Intra-ASEAN. Malahan dalam melaksanakan mekanisme BPA negara-negara ASEAN boleh memilih untuk menggunakan mana-mana mata wang ASEAN yang difikirkan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan mekanisme BPA tidak ditetapkan tempoh masa yang tertentu. Ini adalah kerana salah satu daripada prinsip pelaksanaannya ialah secara sukarela. Setakat ini Thailand dan Filipina telah

menunjukkan kesediaan untuk melaksanakan mekanisme BPA dengan Malaysia. Langkah-langkah sedang diambil bagi membolehkan rundingan dua hala dimulakan di antara Malaysia dengan negara-negara yang tersebut. Langkah menggalakkan penggunaan mata wang serantau di dalam perdagangan Intra-ASEAN merupakan salah satu usaha kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN bagi menangani kejatuhan nilai mata wang berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat.

Di bawah mekanisme BPA, penggunaan mata wang negara-negara ASEAN akan mengurangkan permintaan kepada Dolar Amerika Syarikat untuk tujuan menyelesaikan pembayaran. Negara-negara yang terlibat juga akan dapat menjimat penggunaan rizab tukaran asing kerana bayaran dibuat secara bersih. Dalam jangka masa panjang penggunaan mata wang serantau sebagai mata wang penyelesaian perdagangan akan membantu mengukuhkan nilai mata wang negara-negara ASEAN.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat manakah mekanisme PBA ini dapat dilaksanakan buat masa ini dan setakat manakah jumlah wang dapat diijamatkan kerana kita tidak menggunakan Dolar Amerika. Ini memang penting, dan yang penting sekali di dalam dunia ekonomi memang mata wang Dolar Amerika digunakan sebagai mata wang antarabangsa. Mahu tidak mahu semua ahli ASEAN bergantung kepada Dolar Amerika. Dan dengan cara BPA ini seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kita harap pergantungan kepada Dolar Amerika ini dapat dikurangkan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat mana kita boleh mengurangkan pergantungan kepada Dolar Amerika ini?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik perdagangan antarabangsa global pada hari ini boleh dikatakan lebih daripada 70% penyelesaian perdagangan antarabangsa dibuat di dalam Dolar

Amerika. Kalau boleh kita pakai angka ini dibawa kepada rantau ASEAN, ini merupakan satu jumlah yang besar. Boleh dikatakan satu tahun di dalam negara ASEAN sahaja tidak kurang daripada perdagangan US\$300 bilion diperdagangkan. Jadi, ini adalah satu perkara yang sangat penting. Jikalau kita mengurangkan sedikit pergantungan kepada Dolar Amerika ini, maka kemungkinan besar apa yang saya kata tadi rizab luar negara akan dapat diperkuatkan dan juga kita akan dapat mengukuhkan ekonomi kita seterusnya.

Untuk soalan Yang Berhormat yang pertama mengenai dengan pelaksanaan, setakat ini sedang disediakan mekanismenya dan belum lagi dilaksanakan. Setakat yang saya tahu belum lagi dilaksanakan. Yang dilaksanakan ialah di antara BERNAS yang membeli beras daripada Thailand dahulu. BERNAS menggunakan anak syarikatnya yang ditubuh di Thailand yang membeli beras dengan menggunakan Baht, selepas itu beras itu dibawa balik dan dilaporkan mereka mendapat keuntungan lebih daripada RM5 juta. Inilah satu pecetusan langkah yang kita sekarang cuba menggunakannya pada kadar ataupun pada skop yang lebih luas.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, Pokok Sena sampai terus hendak bertanya. Soalan tambahan, umum mengetahui saiz pertukaran wang Amerika amat besar iaitu RM600 bilion. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan mekanisme untuk digunakan untuk perniagaan serantau ini adalah wang antara satu negara. Kalau kita lihat di Eropah, langkah mereka mengatasi masalah mata wang mereka dengan mata wang Amerika ialah dengan mengumpulkan kekuatan mereka bersama sebagai satu kumpulan EEC diwujudkan mata wang ECU, yang mana ECU saiz mereka akan bersama seiring dengan size exchange foreign market duit Amerika. Saya hendak bertanya, adakah ASEAN bercadang juga untuk menubuhkan, kalau EEC boleh tubuh unit wangnya

sendiri - ECU, adakah dari segi jangka panjang ASEAN mengadakan unit wang kita sendiri supaya saiz yang akan besar nanti, insya-Allah, mungkin itu boleh berhadapan dengan kekuatan wang Amerika seperti dilaksanakan oleh EEC. Saya minta sedikit penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ASEAN adalah satu badan serantau yang ditubuh memang niat asalnya ialah untuk economic cooperation, dengan izin. Tetapi apa yang berlaku ialah ASEAN lebih berjaya di dalam political cooperation, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. ASEAN ditubuh 30 tahun yang lalu. Tujuan asal ASEAN ditubuh telah dijadikan yang lain. Tetapi dengan adanya kegawatan ekonomi ini, maka kesedaran di kalangan negara ASEAN ke arah penubuhan satu unit mata wang, iaitu ECU, Yang Berhormat sebut tadi, mungkin pada peringkat kesedaran (awareness) pada masa ini. Kalau kita lihat sejarah European Union (EU) yang akhirnya satu daripada pencapaian mereka ialah penubuhan ECU, satu mata wang, itu pun bukan keseluruhan European Union yang bersetuju, Britain masih lagi tidak setuju.

Tetapi kalau melihat mereka, gagasan satu Eropah (Europe) tadi bukanlah 30 tahun yang lalu. Gagasannya mula beratus-ratus tahun, di zaman Richleo lagi, di zaman Bismark dan di zaman pemimpin-pemimpin French-Eropah dahulu. Tetapi selepas beratus-ratus tahun, selepas diadakan European Union yang berpusat di Brazil, maka barulah mereka dapat menubuh ini. Itu pun bukannya dikatakan keseluruhannya muafakat 100% lagi. Jadi, dengan adanya kegawatan ekonomi sebegini, kemungkinan ASEAN akan mengikut trend sejarah seperti yang diikuti oleh negara-negara Eropah tadi.

#### **PELABUR ASING - AMAUN KEUNTUNGAN DIAMBIL KELUAR**

4. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Kewangan menyatakan amaun wang keuntungan yang diambil keluar oleh pelabur setiap tahun sejak

tahun 1990. Apakah insentif-insentif yang diadakan atau akan diadakan untuk menggalakkan pelabur asing melabur semula di negara ini.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perangkaan Bank Negara Malaysia, keuntungan dan dividen yang terakru kepada pelabur asing sejak 1990 adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Keuntungan dan Dividen (RM)</b>
1990	6 bilion
1991	7 bilion
1992	8.4 bilion
1993	9.4 bilion
1994	11.5 bilion
1995	12.2 bilion
1996	13.8 bilion

Mengikut kajian Bank Negara Malaysia daripada jumlah tersebut lebih daripada 50% telah dilaburkan semula di Malaysia. Dengan demikian keuntungan yang diambil keluar oleh pelabur asing adalah kurang daripada 50% daripada angka yang saya sebut tadi. Angka sebenar tidak dapat ditentukan kerana cara pengumpulan perangkaan sekarang tidak membezakan amaun keuntungan yang dilaburkan semula daripada jumlah pelaburan asing.

Untuk menggalakkan pelabur asing melabur semula keuntungannya di negara ini, kerajaan menyediakan insentif cukai dalam bentuk elaun pelaburan semula bagi sektor pengilangan dan sektor pertanian. Bagi sektor pertanian galakan ini dihadkan kepada pengeluaran bahan makanan penting sahaja. Di bawah insentif ini cukai pendapatan syarikat akan dikurangkan bergantung kepada amaun pelaburan semula yang dibuat oleh sesebuah syarikat itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada angka-angka yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi sehingga tahun 1996 - RM13.8 bilion, ini memang satu angka yang menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan sama ada permintaan daripada setengah-setengah syarikat multinational daripada Amerika Syarikat dan rakan-rakannya bahawa pemilikan syarikat-syarikat termasuk perbankan, termasuk insurans 100% merupakan salah satu permintaan daripada pihak mereka untuk melabur di negara ini, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sudah mengatakan bahawa Malaysia sanggup memberi 51% milikan saham di syarikat-syarikat termasuk perbankan di negara ini, dan apakah dasar sekarang? Adakah dasar 51% sudah dilaksanakan untuk insentif ataupun dengan Pertubuhan Dagangan Dunia (World Trade Organization) yang menetapkan kriteria untuk membukakan dengan sepenuhnya negara-negara seperti Malaysia, apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang. Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Habiskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak habis, tetapi kacau sangat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini satu perkara yang sangat penting.  
*[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila habiskan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ini hari pakai kod baru!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita hendak melonjak kepada abad 21, milenium baru.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Baru beli kod.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cara-cara untuk melonjak kepada milenium baru salah satunya ialah pemilikan saham di dalam syarikat termasuk bank. Apakah

rancangan jangka pendek dan panjang untuk memberi insentif seumpama ini kepada syarikat-syarikat transnasional?

**Seorang Ahli:** Pelek Kepong!

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh hairan mengapa Yang Berhormat dari Kepong beria-ia minta supaya kita membuka lebih kepada 100%. Setakat ini seolah-olahnya dia tidak puas hati dengan dasar kita setakat 49% dan 51% untuk insurans dan bank, seolah-olah dia hendak minta lebih lagi. Ini bercanggah dengan ideologi manifesto partinya yang berasaskan kepada parti sosialis. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bukan. Saya cuma tanya rancangan jangka pendek dan panjang sahaja. Jangan kita selit situ, putar belit dan....

**Seorang Ahli:** Merapu!

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya sebagai seorang pejuang sosialis, dia mesti marah kerajaan beri 49% dan 51%, dia kena kurang lagi. Dia tidak patut tanya soalan ini. Tetapi oleh sebab dia sudah menjadi kapitalis, *[Ketawa]* saya hendak jawab. Jadi, kapitalis bukan jahat. Kalau boleh kita hendak buka lebih lagi memandangkan dalam semangat WTA dan WTO. Tetapi kalau kita lihat skala ataupun saiz bank-bank di negara kita masih lagi kecil. Lebih-lebih lagi kalau dilihat dengan merger ataupun percantuman dua institusi yang paling besar, iaitu dua institusi kewangan di Amerika yang baru dibuat empat hari yang lalu di antara Travellers dengan Citycorps yang melibatkan modal US\$80 bilion.

Jikalau kita buka lebih banyak daripada apa yang telah kita bukakan, segala institusi perbankan dan institusi kewangan kita akan ditelan seperti mana black holes menelan segala bintang-bintang dalam Relativity Theory. Yang Berhormat patut faham bahawa kalau kita hendak buka, kita buka perlahan-

lahan, kerana ada pro dan consnya di dalam liberalisasi kewangan, ada yang kita boleh untung dan ada yang kita boleh rugi. Jadi, perlulah kerajaan mengadakan dasar yang mana implementasinya diadakan mengikut logik, keadaan dan kebolehan negara kita pada sesuatu masa.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat dari Kepong bertanya tentang amaun dividen....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tanya soalan Yang Berhormat.  
[Ketawa] Jangan gunakan pertanyaan orang lain.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tentang amaun, dividen dan keuntungan yang diambil keluar oleh pelabur asing. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, berapakah amaun dividen dan keuntungan yang balik ke dalam negara ini sejak tahun 1990 hasil dari pelaburan luar Malaysia?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya jawab dahulu saya mengatakan bahawa pembalikan dividen yang dilabur oleh firma negara kita di luar negara adalah melebihi 20% daripada pelaburannya dan angka-angkanya adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Pembalikan dividen dilabur</b>
1991	RM226 juta
1992	RM265 juta
1993	RM335 juta

1994	RM393 juta
1995	RM492 juta
1996	RM1.438 bilion
1997	RM1.621 bilion

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat trend tadi adalah kenaikan yang cukup menggalakkan kerana pelaburan kita di luar negara belum lagi banyak dan pelaburan ini pembalikan keuntungan dari bentuk dividen dan juga keuntungan biasa adalah sangat menggalakkan dan kemungkinan sekarang pada tahun 1998 ianya turun sedikit disebabkan kegawatan ekonomi negara kita.

**PROGRAM PENYELIDIKAN PERTANIAN  
DAN TERNAKAN - JUMLAH PERUNTUKAN**

5. **Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) adakah kementerian berpuas hati dengan kejayaan program penyelidikan pertanian dan ternakan setakat ini dan berapa banyakkah peruntukan yang diperuntukkan bagi tujuan tersebut di dalam RMK-7; dan
- (b) sebutkan penemuan baru yang dapat dihasilkan di dalam bidang tersebut setakat ini dan nyatakan penemuan yang telah berjaya dikomersialkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin**

**Taib]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian berpuas hati dengan kejayaan program penyelidikan pertanian dan ternakan yang telah dilaksanakan oleh jabatan dan agensi di bawah kementerian. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh,

peruntukan sebanyak RM40 juta telah diluluskan bagi program tersebut.

- (b) Sehingga kini, penyelidikan pertanian dan ternakan telah menghasilkan penemuan-penemuan baru termasuk varieti dan klon tanaman yang bermutu tinggi; baka ternakan; teknologi pengeluaran bagi tanaman tertentu seperti padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga; makanan ternakan; pengeluaran vaksin seperti vaksin sampar ayam, vaksin puru ayam dan vaksin demam babi serta sistem integrasi ternakan lembu dan bebiri di bawah tanaman.

Dalam usaha untuk mengkomersialkan penemuan-penemuan tersebut, pelbagai program latihan teknikal telah diadakan. Sehingga akhir tahun 1997, seramai 5,093 usahawan telah dilatih dalam pelbagai bidang pengeluaran pertanian dan pemprosesan makanan. Di samping itu, untuk membangunkan usahawan dalam industri pemprosesan makanan, MARDI telah melaksanakan Skim Anak Angkat, Skim Pengembangan, Skim Projek Khas dan Konsultasi. Sebanyak 38 buah syarikat telah diambil sebagai 'anak angkat' MARDI dan kini terlibat dalam pengeluaran pelbagai produk manakala 282 buah syarikat telah mengikuti program pengembangan. Di bawah Skim Projek Khas pula, sebanyak 19 buah syarikat telah mendapat bantuan dan latihan teknikal sementara 15 buah syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telah mendapat khidmat konsultasi.

**Dr. Ramli bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana dapat menghasilkan banyak penemuan baru, tetapi

daripada hasil penemuan ini yang dapat dikomersialkan masih kecil untuk kita banggakan. Sebagai contoh, produk-produk pertanian atau hasil pertanian daripada negeri jiran kita mutunya adalah lebih baik daripada negara kita. Dan satu contoh, sebuah syarikat dari Terengganu untuk menternak lembu secara besar-besaran terpaksa mengimport anak-anak lembu dari Australia.

Jadi, soalan tambahan saya adakah usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dari kementerian untuk menambahkan sumber protin negara, bukan sahaja menambahkan sumber protin tetapi kualiti protin negara iaitu seperti menghasilkan baka-baka yang lebih baik daripada lembu ataupun kerbau Malaysia ataupun mengkomersialkan ternakan-ternakan rusa atau kijang daripada hutan-hutan kita.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini MARDI telah memperkenalkan baka kacukan lembu, kambing dan biri-biri yang berpotensi. Ternakan lembu dan biri-biri ini menggunakan program penyelidikan pertanian dan ternakan dan pengeluaran tenusu yang menggunakan teknik embrio bagi meningkatkan bilangan anak. Jadi, semua sistem ini telah dijalankan dan hal ini tidak menjadi masalah, terpulanglah kepada pihak swasta untuk mengambil maklum dalam perkara ini.

**Datuk Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita memang terpaksa mengimport makanan dari luar negara bagi keperluan negara kita. Jadi, dengan adanya kejayaan program penyelidikan pertanian dan ternakan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, jadi, soalan tambahan saya bolehkah Yang Berhormat memastikan kejayaan dalam usaha kerajaan ini boleh membantu negara kita mengurangkan pengimportan makanan dari luar negara?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, pengimportan barang makanan dari luar negara adalah disebabkan, yang pertamanya adalah sebahagian besar dari tanaman itu tidak dapat ditanam di Malaysia misalnya

gandum tidak boleh ditanam di Malaysia, misalnya jagung walaupun ada ditanam di Malaysia tetapi dari segi kos ekonominya buat masa sekarang ini mungkin lebih. Jadi, dalam hal ini saya masih ingat lagi semasa saya di dalam Jabatan Pertanian dahulu, walaupun kita menanam jagung yang diusahakan oleh kementerian dan jabatan, kita menanam misalnya 'syogum' untuk digunakan sebagai bahan makanan binatang dan kita telah menggunakannya tetapi tidak ekonomik, itulah masalahnya. Jadi, insya-Allah, dengan keadaan sekarang ini mungkin iklim berubah dan kerajaan menyeru pihak swasta untuk mengambil bahagian.

#### **KLCC - TAWARAN EKUITI PEMILIKAN KEPADA KERAJAAN BRUNEI**

6. **Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa salah satu daripada menara kembar KLCC telah atas sebab-sebab tertentu menawarkan ekuiti pemilikannya kepada Kerajaan Brunei dan sila nyatakan jumlah nilai peratusan dan nilai Ringgit yang terlibat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada tawaran dibuat kepada Kerajaan Brunei untuk memiliki ekuiti dalam salah satu Menara Kembar Petronas. Adalah dimaklumkan juga bahawa setakat ini Petronas tidak ada rancangan untuk menjual ekuiti pemilikannya dalam Menara Kembar tersebut.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada kalau Menara Kembar KLCC hendak dijual, salah satu dari faktor yang akan menghindar mana-mana pembeli yang berpotensi adalah kerana dari segi nilai dan juga dari segi barang-barang dan hiasan dalaman adalah terlalu mahal khususnya semua perabot dalam KLCC ini adalah diimport dari luar negara. Bukankah ini bercanggah dengan usaha kerajaan untuk membeli barangan tempatan.

Di samping itu, muncul pula masalah tentang keselamatan struktur KLCC dan sama ada Yang Berhormat Menteri tahu atau tidak atau sedar atau tidak difahamkan bahawa tingkat yang terbawah di KLCC diresapi dengan air sehingga sekarang ia boleh dianggap dalam keadaan banjir. Adakah ini benar dan apakah kajian yang telah dibuat ke atas perkembangan sedemikian.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, seperti jawapan saya awal tadi bahawa Petronas tidak ada niat hendak menjual Twin Towers ini.

Kedua, berkenaan dengan barang-barang dalaman Petronas telah membeli barang-barang itu semasa ekonomi belum lagi merosot.

Ketiga, tidak ada mempunyai faktor-faktor seperti dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada bangunan dua kembar ini sudah siap sepenuhnya dan kalau sudah siap berapakah peratusan occupancy rate, dengan izin, dan pendapatan yang diperolehi oleh Petronas setiap bulan daripada hasil pungutan sewa dari bangunan ini.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Menara Pertama atau Tower One, semuanya 88 tingkat didiami oleh Petronas.

Untuk Menara Kedua atau Tower Two dan Suria Kompleks iaitu commercial centre setakat ini banyak juga anchor tenants yang sudah menyewa tempat itu seperti Parkson, Mark Spencer dan sebagainya.

**STESEN TELEVISYEN/RADIO SWASTA -  
SIARAN YANG BERCAANGGAH DENGAN  
DASAR KERAJAAN**

7. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Penerangan menyatakan bilangan syarikat swasta yang telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan rancangan televisyen/radio swasta sehingga kini dan sejauh manakah kebenaran dakwaan bahawa terdapat stesen televisyen

swasta yang menyiarkan rancangan mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan dasar kerajaan dan apakah bentuk tindakan yang telah diambil sehingga kini.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini sebanyak 11 syarikat telah dilesenkan dan diberi kebenaran untuk mengendalikan stesen radio dan televisyen di Malaysia.

Memang benar ada terdapat program-program TV swasta yang menyiarkan rancangan-rancangan yang mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan dasar kerajaan seperti tidak mengikuti garis panduan siaran tetapi jumlah ini adalah kecil.

Bagi memastikan perkara ini tidak terus berlaku, kementerian telah mensyaratkan program TV swasta melalui empat peringkat penapisan sebelum sesuatu rancangan itu disiarkan.

- (i) pemilihan program-program yang bersesuaian daripada pembekal program-program yang dipersetujui oleh kementerian;
- (ii) program-program ditapis berdasarkan peraturan Lembaga Penapis Filem, Kementerian Dalam Negeri;
- (iii) program ditapis berdasarkan peraturan di bawah Akta Penyiaran 1988 dan Garis Panduan Kementerian Penerangan; dan
- (iv) melakukan penapisan dan pengawalseliaan dalaman.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadang-kadang rancangan TV ataupun berita-berita TV ini menggembar-gemburkan keadaan yang membimbangkan pelancong-

pelancong untuk masuk ke dalam negara kita. Contohnya, tentang kes-kes jenayah, tentang masalah air. Memang saya faham masalah air ini masalah keseluruhan, tetapi apakah yang perlu digembar-gemburkan sehinggakan pelancong-pelancong berasa bimbang. Sudahlah kita selesai masalah jerebu dan kadang-kadang kes jenayah yang begitu kita pameran di kaca TV sungguh menakutkan orang dan juga masyarakat setempat. Jadi, adakah kerajaan akan memastikan rancangan-rancangan ataupun berita-berita seperti ini dikurangkan, diberi satu garis panduan. Contohnya lagi satu, artis-artis kita bila mempamerkan nyanyian mereka memakai pakaian yang agak keterlaluan, contohnya kes dangdut menggelek-gelek sampai kita naik pening, *[Ketawa]* jadi, adakah ini akan ditapis oleh pihak kementerian?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak dapat lepas dari menyiarkan berita-berita yang realiti atau yang sebenar. Namun demikian, tidaklah keterlaluan untuk mennggembar-gemburkan berita yang boleh menghilangkan kecenderungan pelancong dari luar, seperti yang saya sebutkan, tidak dapat lepas berita yang sebenar harus kita siarkan untuk tatapan penonton.

Soal pakaian yang keterlaluan ini telah menjadi peraturan yang sering diperhatikan oleh kementerian.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, selalunya arahan Kementerian Penerangan, arahan menteri, saya ingat cuma kepada RTM dan TV kerajaan sahaja, TV swasta seperti TV3 tidak ada, sebab saya bangkitkan ini berkenaan dengan bahasa dalam Berita Perdana, saya telah bercakap beberapa kali dan kementerian Yang Berhormat telah ambil

perhatian dan telah memberi arahan supaya perkara ini diambil tindakan. Tetapi semalam, malam semalam dan malam kelmarin saya selalu menonton Berita Perdana, sebab Berita Perdana ini menyeluruh untuk orang kampung yang tidak pandai bahasa Inggeris pun ada, kita minta supaya menteri ataupun sesiapa sahaja yang hendak ditemu ramah itu diberitahu supaya jangan berucap dalam bahasa Inggeris, sebab kalau dia berucap dalam bahasa Inggeris, dia akan dibisukan, kalau misalnya dia menunggu dekat tol tanya temu ramah selalu bercakap dalam bahasa Inggeris.

Dalam RTM atau TV kerajaan okay, saya terima, tidak adalah saya selalu tengok ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta bertanyalah, jangan beri minta arahan ya.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya hendak beri faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tetapi dalam TV3 masih ada, semalam pun ada Ketua Menteri Sabah bila ditemu ramah dia bercakap dalam bahasa Inggeris. Adakah arahan itu diterima oleh pihak TV3?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk]*

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Sebenarnya arahan tersebut seperti Ahli Yang Berhormat katakan meliputi stesen-stesen swasta, tidak terbatas kepada Kementerian Penerangan sahaja dan saya juga terkejut kalau berlaku arahan ini tidak dipatuhi, kita akan mengambil perhatian.

#### **PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN - PAMPASAN**

8. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tentang jumlah keseluruhan pekerja yang diberhentikan oleh majikan atas

masalah ekonomi sekarang ini. Adakah majikan memberikan mereka pampasan yang setimpal.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerja yang telah diberhentikan oleh majikan sejak mulanya negara ini merasai bahang kegawatan ekonomi mulai Julai 1997 hingga 11 April 1998 yang dilaporkan kepada kementerian adalah seramai 34,501 orang.

Daripada jumlah itu, pemberhentian kerja seramai 22,708 orang telah berlaku pada tahun ini sahaja. Dalam pada itu, laporan yang diterima setakat ini menunjukkan pampasan yang dibayar adalah mengikut undang-undang.

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ramai penduduk negara kita tidak berminat dalam sektor pertanian sekarang, hasil matlamat kerajaan hendak menjadikan negara perindustrian. Memandangkan ini, adakah rancangan kerajaan untuk menggalakkan mereka yang dibuang kerja ini diserap ke dalam sektor pertanian merupakan reversal dari segi Dasar Perindustrian Negara.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan mengamalkan dasar itu iaitu semua pekerja yang diberhentikan kerja itu kita akan serapkan dalam mana-mana jawatan kosong yang ada dan pada ketika ini dalam keadaan sekarang ini pun kita mempunyai berpuluh-puluh kekosongan dalam sektor industri dan juga sektor perladangan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini dilaporkan di media massa bahawa menteri berkenaan telah mengatakan sebanyak RM2.2 juta telah dialokasikan untuk mendapat balik kerja pihak yang diberhentikan. Jadi, apakah ciri-ciri dalam perkara ini dan bagaimanakah ia dapat menolong pihak-pihak yang telah diberhentikan untuk mendapat balik kerja?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang telah diberhentikan kerja, mereka akan dapat ganti rugi sebagaimana yang termaktub dalam undang-undang. Dan kita juga akan membantu mereka untuk mendapat kerja gantian dan setakat ini kita tidak ada menghadapi masalah sungguhpun mungkin kita ada masalah di kalangan golongan pertengahan seperti jurutera dan sebagainya.

Baru-baru ini kerajaan telah juga memperuntukkan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebanyak RM2.2 juta daripada Tabung Pembangunan Sumber Manusia untuk memberi latihan kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja dan kita tidak berjaya mendapat kerja gantian kepada mereka, jadi, kita akan memberi pelbagai latihan supaya mereka dapat mengisi waktu yang mereka tidak mempunyai pekerjaan.

#### **USAHAWAN KECIL - KESUKARAN MENDAPATKAN PINJAMAN**

9. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sebab-sebab masih ramai usahawan kecil khususnya di luar bandar masih sukar mendapatkan pinjaman untuk membiayai perusahaan masing-masing.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan pinjaman untuk membantu usahawan kecil umpamanya di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, kita ada Tabung Penjaja dan Peniaga Kecil yang dikelolakan oleh Syarikat Jaminan Kredit (CGC), kita juga ada Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil dan kita ada juga pinjaman di bawah MARA.

Tahun lalu umpamanya, di bawah pinjaman untuk penjaja kecil, pihak CGC telah meminjamkan sebanyak 4,433 pinjaman kepada bilangan peminjam yang sama melibatkan jumlah RM29.9 juta. Bagi Tabung Usahawan Kecil pula, pinjaman sebanyak RM20.9 juta telah diberikan kepada 663 orang

usahawan dan bagi MARA pula pinjaman berjumlah RM53.9 juta telah diberikan kepada 1,863 orang usahawan.

Selain dari itu, di bawah Kementerian Belia dan Sukan, di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ada lagi kemudahan-kemudahan pinjaman yang disediakan untuk usahawan kecil.

Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa bukan semua permohonan yang diajukan itu akan diberi pertimbangan. Antara lain, ini disebabkan oleh peruntukan yang tidak mencukupi untuk melayani kesemua permohonan. Yang kedua, mungkin projek-projek tidak viable dan yang ketiga, mungkin syarat-syarat yang dikenakan tidak dipenuhi termasuklah tidak ada jaminan mungkin bagi peminjam berkenaan.

Menyedari masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan kecil, kerajaan memanglah dari masa ke semasa mengubahsuai syarat-syarat pinjaman. Selain dari itu juga, peruntukan ditambah dua minggu yang lalu di Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan satu peruntukan baru sebanyak RM200 juta untuk membantu usahawan kecil dan pihak Kementerian Kewangan sekarang ini sedang merancang dan merangka butir-butir terperinci bagi melaksanakan tabung yang baru dilancarkan ini.

Di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, kita telah membuat keputusan umpamanya di bawah Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil untuk

memastikan bahawa syarat-syarat yang lebih longgar dilaksanakan. Kalau sebelum ini pihak kerajaan cuma menyediakan sumber 80% kepada usahawan kecil ini dan 20% disediakan oleh bank, pihak kementerian telah membuat keputusan bahawa kesemua sumber kewangan di bawah Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil akan disediakan oleh kerajaan, dahulu 80% kerajaan dan 20% pihak bank, maka memandangkan kesukaran peminjam untuk mendapat pinjaman dari bank, kita membuat keputusan supaya kesemua peruntukan di bawah tabung ini disediakan oleh kerajaan sepenuhnya.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya bilangan peminjam begitu ramai, itu yang berjaya dan didapati ramai lagi yang masih perlu untuk mendapat pinjaman ini. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Dato' Menteri menyatakan berapa peratuskah daripada permohonan ini yang berjaya dan di samping itu juga di kawasan luar bandar menjadi masalah untuk mendapat penjamin. Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana melonggarkan syarat pinjaman pada masa yang akan datang, tetapi adakah pihak kerajaan akan memperketatkan syarat untuk bayaran untuk menjamin bahawa kerajaan akan mempertimbangkan lebih banyak lagi permohonan dari bakal-bakal usahawan kecil.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi peratusan sebagai contoh, bilangan yang memohon untuk pinjaman MARA kira-kira separuh berjaya di bawah Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil daripada 2,500 orang yang telah memohon, setakat ini telah meluluskan 663 yang lain-lain masih lagi dalam pertimbangan. Itu dari segi bilangan mereka

yang gagal dan mereka yang berjaya untuk diberi pertimbangan untuk diluluskan pinjaman.

Dari segi jaminan memanglah salah satu daripada syarat ialah supaya ada penjamin, kalau tidak ada penjamin maka sukar bagi kerajaan untuk mendapat wang sekiranya peminjam tidak menjelaskan pinjaman. Dalam pada itu, kerajaan telah menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit (CGC) yang menjamin bagi pihak peminjam di bawah TPUK (SEFF) pula tidak ada jaminan diperlukan. Jadi, ia bergantung kepada jenis pinjaman, ada pinjaman yang memerlukan jaminan dan ada yang tidak memerlukan jaminan langsung dan kita akan terus berusaha untuk memastikan khususnya tahun ini dalam kita menghadapi kegawatan ekonomi dengan peruntukan RM200 juta, saya menjangka bahawa lebih ramai lagi usahawan kecil akan mendapat faedah daripada tambahan peruntukan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian telah memberi apa-apa pinjaman di dalam bentuk pinjaman ini di dalam melaksanakan dasar 'satu kampung satu industri' di Sabah dan kalau ada berapakah pinjaman setakat ini yang telah dikeluarkan untuk maksud itu?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ada menyediakan pinjaman untuk 'satu kampung satu industri' tetapi ini diberikan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan saya tidak ada angka-

angka ini untuk Ahli Yang Berhormat. Selain dari itu juga, ada pinjaman di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia yang juga dikendalikan, diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**GERAI MAKANAN DAN TANDAS AWAM -  
TAHAP KEBERSIHAN DAN KESIHATAN -**

10. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) adakah kementerian sedar bahawa tahap kebersihan dan kesihatan penyediaan dan penyajian makanan di kedai-kedai dan gerai-gerai makanan di seluruh negara masih belum memuaskan. Bukan sahaja dari segi kesihatan tetapi juga dari segi imej negara ini amat penting. Apakah dasar, undang-undang, tindakan dan penguatkuasaan yang dirancang dan dicadang kementerian untuk seluruh negara; dan
- (b) adakah kementerian sedar bahawa kemudahan tandas awam di seluruh negara belum lagi dirancang secara strategik dan teratur. Tandas yang ada sekarang tidak bersih dan terjaga dan sempurna, ini termasuk yang diswastakan walaupun mengenakan caj yang tinggi kepada pengguna. Apakah langkah kerajaan agar kemudahan tandas awam yang penting sebegini tidak menjadi satu benda asing kepada rakyat Malaysia dan satu mimpi ngeri kepada warganegara asing yang datang berkunjung ke sini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'**

**Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, kebersihan premis makanan dan penjaja serta juga kebersihan tandas awam adalah dua bidang utama pihak berkuasa tempatan yang diberi perhatian oleh kementerian ini. Berkaitan premis makanan dan penjaja, peningkatan penguatkuasaan adalah di antara saranan yang dibuat oleh kementerian ini kepada pihak berkuasa tempatan. Ini

termasuklah memperketatkan syarat mengeluarkan lesen dan pembaharuan lesen.

Pengusaha dan penjaja juga akan dikehendaki mengikut kursus kebersihan pengendalian makanan sebagai satu syarat.

Berkaitan tandas awam kementerian ini sedang dalam peringkat akhir penyediaan blue print, dengan izin, reka bentuk dan piawaian yang wajar diperkenalkan di seluruh negara. Perbincangan telah diadakan dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi pelaksana untuk menggariskan sistem pendekatan bersepadu bagi jangka pendek dan panjang, bukan sahaja mengenai piawaian bahkan lebih penting lagi pendidikan masyarakat yang bermula dari peringkat kanak-kanak. Atas sebab keadaan ekonomi, pelan pelaksanaan program ini mungkin dilewatkan sedikit.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, sama ada semua pihak berkuasa tempatan di negara ini telah melaksanakan program penggredan premis makanan dan sama ada semua pihak berkuasa tempatan sudah mengadakan undang-undang kecil untuk premis makanan iaitu Food Establishment By-Laws untuk menggantikan seksyen 49 Bahagian VI(F) by-laws tahun 1937 yang sudah luput, sudah 60 tahun lamanya itu sama ada masih dipakai atau sudah diadakan undang-undang kecil yang baru supaya dapat mengadakan peraturan

undang-undang yang dapat dipakai oleh pegawai untuk menguatkuasakan peraturan di premis makanan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak semua PBT di seluruh negara yang mengubahsuaikan berkenaan apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi kita pada peringkat sekarang ini dalam mengadakan piawaian yang baru kita sedang meneliti apakah piawaian yang sedang dan mampu dilaksanakan di seluruh negara. Kita bernasib baik oleh kerana dengan penswastaaan lebuh raya, kita sudah mempunyai satu standard di mana gerai-gerai di seluruh lebuh raya telah dapat kita andaikan sebagai satu standard yang boleh dipergunakan di seluruh negara, cuma dari segi standard deviation sejauh mana hendak dipertingkatkan ataupun hendak dikurangkan, ini yang sedang dalam pertimbangan.

#### **WANITA SEBAGAI PEMBUAT DASAR - PENCAPAIAN 30%**

11. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah kemajuan setakat ini bagi mencapai pada 2005 target/sasaran 30% wanita sebagai pembuat dasar sepertimana dipersetujui oleh Persidangan Menteri-menteri Hal Ehwal Wanita Komanwel di Trinidad-Tobago.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha sedang dipergiatkan agar sasaran 30% wanita sebagai pembuat dasar dapat dicapai. Pada umumnya bilangan wanita yang telah ditempatkan dikedudukan

sebagai pembuat dasar terutamanya disektor awam telah meningkat dari masa ke semasa. Kini lebih ramai wanita dilantik sebagai ketua jabatan dan senario ini dijangka akan terus berkembang pada masa hadapan.

Walau bagaimanapun, peratusannya masih jauh daripada mencapai sasaran 30% seperti yang telah ditetapkan. Justeru itu, pihak yang terlibat dalam usaha kenaikan pangkat serta penempatan sama ada di sektor awam atau di sektor swasta perlu diberikan pendedahan dan kepekaan gender agar mereka lebih bersikap terbuka terhadap keupayaan dan kemampuan wanita.

Dalam arena politik, peratusan wanita yang berada di peringkat pembuat dasar ialah 7.8% dan salah satu usaha untuk mencapai sasaran ini ialah dengan memberikan kesedaran dan motivasi bagi menggalakkan lebih ramai wanita menceburi arena politik dan seterusnya turut bertanding untuk memegang jawatan-jawatan penting dalam parti dan kita harap jugalah pihak lelaki memberikan kerjasama dan sokongan.

Kepada pihak wanita yang bertanggungjawab diseru agar mewujudkan perwakilan wanita sebanyak 30% di pelbagai tempat seperti di majlis-majlis, dewan-dewan, di panel-panel, badan-badan penggubal dasar yang dibentuk oleh kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang beberapa lama tidak ada seorang pun wanita yang duduk di situ, majlis-majlis perbandaran dan daerah, lembaga-lembaga pengarah, institusi pengajian tinggi awam, Majlis Fatwa, Majlis Agama Islam, Lembaga Penapis Filem, Majlis Penasihat

Kebudayaan Kebangsaan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan sebagainya.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya bagaimanakah caranya pihak kementerian mendapatkan atau mengumpulkan nama-nama wanita yang sesuai bagi mengisikan jawatan-jawatan itu dalam semua Majlis, Lembaga, Panel dan sebagainya?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Di tempat-tempat ini kita ingin mendapat cadangan-cadangan dan saranan-saranan daripada pelbagai pihak. Di mana kementerian mempunyai kuasa untuk meletak atau melantik mereka, insya-Allah, kita boleh berbuat demikian tetapi di dalam majlis-majlis daerah dan perbandaran, kadang-kadang ianya adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Maka, di situ sudah tentulah kementerian tidak akan dapat meletakkan orang-orang tersebut.

Oleh sebab itulah saya menyeru kepada semua pihak yang bertanggungjawab sama ada untuk melantik atau memilih dan sebagainya hendaklah dipekakan terhadap gender supaya mereka ini menyedari hakikat bahawa bilangan wanita dalam menduduki tempat-tempat membuat dasar ini wajar dipertingkatkan. Kita bercakap mengenai 30% wanita duduk dalam tempat membuat dasar kerana ianya adalah keputusan Persidangan Kelima Menteri-Menteri Yang Menjaga Hal Ehwal Wanita di Trinidad-Tobago pada tahun 1996 dan targetnya pada tahun 2005.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. Tidak boleh bertanya dua soalan.

#### **SISTEM SARAAN BARU – SISTEM GAJI ALTERNATIF**

12. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sistem gaji matriks di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) telah menimbulkan pelbagai kebimbangan, tidak puas hati dan kesan buruk membantutkan kerjaya di kalangan kakitangan

kerajaan, khususnya mereka yang tidak pandai mengampu dan tidak rapat dengan kepimpinan politik, dan kesan selanjutnya pelbagai kemungkinan keburukan akibat ekoran protes tidak ketara oleh anggota kesatuan sekerja. Justeru itu, adakah kerajaan bercadang mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat bagi mewujudkan sistem gaji alternatif yang lebih sesuai dan munasabah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar seperti didakwa oleh Yang Berhormat dari Kuala Kerai bahawa sistem gaji matriks telah menimbulkan kebimbangan, tidak puas hati dan membantutkan kerjaya kakitangan kerajaan. Kerajaan berpendapat sebaliknya, sistem ini tidak mengurangkan sebarang hak anggota, malahan menambah insentif bagi menggalak pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan menjadi lebih kreatif, inovatif dan berkesan dan dalam erti kata yang lain sistem ini telah meningkatkan daya pengeluaran anggota.

Semenjak pelaksanaan Sistem Saraan Baru, kerajaan telah menerima dan mengawal selia maklum balas mengenai kesan baik dan buruk pelaksanaan sistem gaji matriks. Semua maklum balas itu telah diambil perhatian oleh kerajaan. Kerajaan berpuas hati dengan sistem ini dan berpendapat ia telah mencapai matlamatnya. Oleh itu kerajaan tidak bercadang mewujudkan sistem gaji alternatif yang baru ketika ini.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang terus membantu pekerja-pekerja kita dan melaksanakan terus SSB ini. Saya ingin bertanya di atas berlakunya kegawatan ekonomi negara pada waktu ini, adakah SSB ini akan terus dilaksanakan ataupun terpaksa diberhentikan seketika terutamanya bayaran elaun dan juga bonus yang terpaksa dilakukan kepada mereka yang mendapat tahap cemerlang, melintang dan sebagainya dan adakah sistem ini akan terus dilaksanakan walaupun keadaan ekonomi negara kita akan berterusan sebagaimana yang berlaku sekarang.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan tidak dapat quantify manfaatnya tetapi secara kualitatifnya kerajaan, sepertimana saya nyatakan tadi, merasa amat berpuas hati dengan peningkatan produktiviti. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bayaran bonus setahun adalah di anggar dalam lingkungan RM54 juta dan bayaran cenderahati adalah lebih kurang RM19.8 juta. Kerajaan merasakan mampu membiayai perbelanjaan ini demi untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup untuk soal jawab.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 13 hingga 46 akan dijilid dalam naskhah berasingan]*

### RANG UNDANG-UNDANG

-

### **RANG UNDANG-UNDANG FEE (PLANETARIUM NEGARA)(PENGESAHAN) 1997**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[15 April 1998]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat dari Kepong menyambung ucapan.

**3.34 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah membangkitkan bahawa selepas mengutip wang lebih daripada 1 juta pengunjung di Planetarium Negara selama 3½ tahun baru sahaja rang undang-undang ini dibentangkan secara retrospective .Saya juga memperihalkan

perkiraan ahli-ahli astronomi, ahli kosmologi mengenai umur cakerawala kita – mentari 5 bilion tahun dan bumi kita 4.5 bilion tahun. Adalah diramalkan bahawa mentari akan berubah coraknya 5 bilion tahun akan datang sekiranya mentari, yang merupakan bintang hidrogen dan helium, yang terus menerus meletup sebagai bom-bom hidrogen sudah bertukar coraknya, bumi kita diramalkan tidak ada lagi dalam tempoh 5 bilion tahun ini. Kalau ada pun corak itu berlainan, mungkin pada waktu itu manusia yang mempunyai otak yang lebih boleh mewujudkan suasana yang berlainan – mungkin akan berhijrah ke bintang-bintang yang lain.....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menurut pandangan Yang Berhormat, sekiranya saiz dunia yang ada sekarang ini dengan penduduk dunia pada masa itu dan keperluan kepada pemakanan dan perairan, apakah keadaan dunia pada masa itu sebagaimana yang diperkatakan tadi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira kerana Yang Berhormat dari Tumpat berminat di dalam hal ini. Sedikit sebanyak saya akan cuba memberikan jawapan yang boleh kerana ini satu soalan yang rumit dan semua manusia hendak mengetahui.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja berkurun-kurun, kalau kita baca buku tidak kiralah Bahasa Malaysia ataupun Inggeris, Cina ataupun bahasa-bahasa yang lain, kita tahu cerita-cerita dan nama-nama dan huraian yang dibuat oleh pujangga dan sebagainya kita tahu sebab apabila saya sebutkan mentari ada yang mengatakan bahawa kita baik panggil ‘sang suria’ ataupun kalau kita sebutkan ‘purnama raya’ baik sebutkan ‘rambulan’ dan sebagainya. Itu menunjukkan Ahli-ahli Parlimen pun berminat dalam hal ini kerana sejak bermulanya manusia di dalam bumi makhluk – bukan bumi manusia sahaja,

sebelum manusia ada di sini ada makhluk-makhluk yang lain, berbilion-bilion tahun bahkan juga manusia di bumi ini kalau hendak kiralah, mungkin tidak sampai 1 juta tahun juga tetapi ‘dinosa’ [*Ketawa*], dinosaur ada di bumi ini lebih 150 juta tahun, manakala manusia mungkin 500,000 ataupun 1 juta tahun sahaja tetapi mengapa – ha, ini masalah, misterinya – dinosaur hapus dan hilang sama sekali pada 70 juta tahun yang lepas. Memang semua ini misteri dan pihak Planetarium Negara hendaklah cuba memberikan jawapan-jawapan kepada para pengunjung mengenai soalan-soalan seperti apakah erti cakerawala kita sedang berkembang – expanding universe, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the big bang theory – teori ledakan/letupan besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyentuh hal-hal ini kerana kita menyentuh Planetarium dan kita kutip wang daripada pengunjung. Bila kita kutip wang daripada pengunjung yang lebih daripada 1 juta orang ini, kita mesti memberi jawapan, memberi nilai kepada mereka kerana negara ini hendak melangkah ke industri angkasa lepas, bahkan kita juga hendak memajukan sains di sini dan Timbalan Menteri Pendidikan dan Timbalan Menteri Kewangan pun sentiasa kata dia bukan sahaja pakar pertanian, pakar kewangan dan juga pakar teori relativity sentiasa disebut-sebutkan kerana Planetarium ini relativity juga. [*Ketawa*]

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak kacau dia tetapi dia seolah-olah hendak mengajar Planetarium Negara tetapi dia sendiri pun salah. Dia kata ‘universe’ ataupun cakerawala berkembang. Cakerawala itu planet, bukan ‘universe’, ‘universe’ ini alam semesta. [*Ketawa*] Dia hendak mengajar orang, dia sendiri pun tidak faham, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap ini dia berada di daerah yang kecil [*Ketawa*] dan bersempadan dengan Thailand, sebab itulah bila dia pandang ke depan, serong

sedikit. Cakerawala ini bukan planet, cakerawala ini 'universe', cuma kita tidak tahu. *[Disampuk]* Ini memang, sama-samalah kita belajar sedikit. *[Ketawa]* Bila orang kata cakerawala ini 'universe', bahasa kita ini bahasa universe dan bila orang itu kata ini 'purnama', ini menunjukkan bulan. *[Ketawa]* Bulan pun boleh, purnama raya pun boleh, semua pun boleh tetapi kita mesti mengerti ini bahasa yang canggih. *[Ketawa]*. Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap ini dia hendak mendaulatkan bahasa, kita sama-sama mendaulatkan bahasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dia faham sekarang. *[Ketawa]* Planetarium Negara hendaklah cuba memberi jawapan-jawapan kepada para pengunjung mengenai soalan-soalan seperti apakah erti cakerawala kita sedang berkembang, mengapa angkasa lepas itu bengkok (curved) dan bagaimana wujudnya usul asal (origin) cakerawala dan apakah terjadi sebelum ini. Apakah ketidaktentuan kuantum. Bila kita sebutkan teori relativity, kita pun sebutkan teori kuantum, saya pun tidak faham. *[Ketawa]* Walaupun Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap kata dia faham tetapi Einstein pun tidak faham, macam mana dia boleh faham! Adakah kehidupan, life, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, wujud secara tidak sengaja ataupun an accident, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Adakah cakerawala ini muncul untuk membolehkan permulaan hidupan, apakah peranan Tuhan? *[Ketawa]*

Saya bukan pakar dalam bidang ini, saya pun hendak minta jawapan daripada orang yang pandai di sini, mungkin Timbalan Menteri dalam Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar fasih dan pandai di dalam hal ini, saya pun tidak tahu. Mungkin dia tidak dapat jawab apakah peranan Tuhan di dalam kosmologi, di dalam cosmos, di dalam cakerawala ini. Mungkin kerana Planetarium Negara baru sahaja dibina, pihaknya belum lagi cuba menjawab soalan-soalan seumpama ini. Walau bagaimanapun, ia sedikit sebanyak telah menarik minat orang-orang Malaysia sehingga dalam tempoh

empat tahun lebih ini, lebih 1 juta rakyat Malaysia melawat pusat ini. Ini satu trend yang baik. Saya harap dengan adanya program-program yang lebih terkini, lebih ramai rakyat Malaysia akan mengunjungi Planetarium kita.

Walau bagaimanapun, saya tertarik kepada apa yang digunakan oleh pihak Planetarium Negara ini sebab pada tahun 1923, bermulalah projector-projector seperti Carl Zeiss, seorang Jerman yang mereka projektor untuk Planetarium. Tuan Yang di-Pertua, ini memang penting kerana projektor-projector seumpama ini boleh membantu kita memahami sistem cakerawala kita dan sekarang saya hendak bertanya Yang Berhormat, setakat mana Planetarium ini dapat dilengkapi dengan teknologi yang terkini termasuk Cathode-ray system dan juga Laser-light displays dan sebagainya kerana saya nampak kurang sedikitlah, mungkin kerana kita tidak cukup wang, tidak cukup dana, mungkin kerana ini pada tapak permulaan sahaja semua ini tidak lengkap tetapi kita hendak kutip wang daripada rakyat, kita mestilah lengkapi Planetarium kita ini dan juga Tuan Yang di-Pertua, memang daripada segi pendidikan ini penting, sangat penting. Saya mencadangkan supaya kita lengkapi lebih lagi untuk astrometry tidak lengkap lagi yang adanya. Astrometry iaitu mengenai posisi dan gerakan (positions dan motions) planet-planet, satelit, komet, meteors, bintang-bintang, galaxies dan clusters – gugusan-gugusan galaksi.

Tuan Yang di-Pertua, semua itu canggih dan rumit, saya pun tidak faham, kompleks sangat. Kita mestilah meningkatkan pendidikan astrometry di Planetarium dan juga celestial mechanics. Celestial mechanics ini mengenai matematik yang digunakan untuk mengkaji gerakan semua benda-benda di cakerawala.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Alam semesta itu memang istilah yang diterima – alam sekeliling, alam semesta tetapi alam semesta tidak bererti cakerawala.

Tidak bererti cakerawala Padang Terap [*Ketawa*]. Bukan solar, cakerawala - universe. Universe itu cakerawala, alam semesta seperti “Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Semesta”- ha, itu boleh! Sebab di Indonesia mereka suka menggunakan ‘alam semesta’ tetapi di sini kita menggunakan alam sekeliling. Itu perbezaan. Ini termasuk di dalam kamus besar Indonesia, Tuan Yang di-Pertua. Kita sama-sama berkunjung ke Indonesia semasa Perhimpunan AIPO beberapa tahun yang lepas dan saya dapat satu kamus besar Indonesia. Itulah dikatakan, bila di Malaysia kita sebutkan alam sekeliling, di Indonesia alam semesta dan sebagainya kerana kita ada perbezaan sedikit. [*Disampuk*] Alam maya itu tidak, dunia maya sekarang ini web ataupun untuk website ataupun untuk dunia komputer sekarang ini. ‘Maya’ itu sekarang ini digunakan untuk dunia komputer – web world dan sebagainya. Memang, bahasa berkembang kerana bahasa kita hidup, bukan setakat padang yang terap, bila dia terap itu memang pokok di Padang Terap itu untuk menangkap burung boleh. [*Ketawa*] Padang Terap itu pokok untuk menangkap burung, bukan untuk cakerawala.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong ini dia terkepong dengan kesilapan konsep cakerawala tadi ini. Cakerawala adalah solar system. [*Ketawa*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, di dunia ini kita pun tidak tahu tetapi para ahli astronomi, cosmologist mereka menganggap di cosmos, kita kena panggil cosmoslah kerana kalau kita gunakan cakerawala, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap tidak puas hati. Kita gunakan cosmos. Cosmos ini merangkumi semualah yang ada di angkasa kita ini. Universe...[*Ketawa*] kita tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya ajak Yang Berhormat dari Padang Terap supaya sama-sama mengkaji masalah ini kerana kita bukan ahli ‘farak’, ahli ‘farak’ yang lebih canggih daripada kita.....

**Beberapa Ahli:** Falak.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha?

**Beberapa Ahli:** Falak.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Falak. Semua orang berminat sekarang ini. *[Ketawa]* Ahli Falak. Kita boleh sama-sama meneliti perkataan-perkataan yang telah saya gunakan sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada celestial mechanics, saya berharap pihak Planetarium boleh memasukkan astrophysics juga kerana astrophysics itu penting juga, kita mesti mengkaji kimia-kimia, keadaan kimia dan fizik di dalam cosmos kita. Saya tidak berani gunakan perkataan cakerawala lagi sehingga kita dapat tetapkan ertinya bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

Mengenai cosmology kerana saya nampak di Planetarium itu, selain daripada menarik minat rakyat Malaysia, pihak Planetarium belum lagi mendalami kaedah-kaedah dan cara-cara untuk memberi pendidikan mengenai cosmology kerana sangat penting. Cosmology ini bukan sahaja bermula sekarang, pada zaman purba sama ada Yunani, Babylon, Mesir, Mayan, China dan sebagainya mungkin 5,000 tahun yang lepas ataupun 6,000, 7,000 tahun yang lepas. Kalau berbandingkan usia bumi kita sangatlah pendek, misalnya 6,000 tahun. Usia bumi ini 4.5 bilion tahun, tamadun manusia ini sangat pendek. Tidak tahulah selama mana kita boleh hidup lagi. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang ganas sangat, yang berang sangat jadi kita boleh wujudkan perang di antara manusia, mungkin sebelum kita sampai 5 bilion tahun hadapan bumi ini sudah musnah kerana perang di antara manusia. Saya menasihatkan supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini jangan kita garang sangat, jangan kita bersifat ganas. Kalau kita ganas sangat bumi ini tidak boleh tahan, memang tidak boleh tahan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak sedikit sebanyak contoh, bukan sahaja archeoastronomy – archeoastronomy bermakna astronomy yang difahami sejak zaman purba lagi tetapi astronomy ataupun cosmology sekarang itu

bermula dengan pesat pada kurun ke-16 yang bermula dengan orang Poland, Copernicus dengan Copernican Theory dan kemudian di kurun ke-16 juga Newton dengan Newtonian Theory dan sehingga sekarang modern astronomy dengan banyak alat canggih termasuk Keck Telescope dan juga satelit yang mengelilingi bumi kita dengan observatories yang canggih, yang dapat menerima, dapat mengkaji, dengan izin, gamma-ray, x-ray, ultraviolet, infra red, radio dan electromagnetic spectrum dengan juga, Tuan Yang di-Pertua, bila bintang-bintang seperti mentari memang mentari ini merupakan gas-gas belaka dan gas yang panas yang dipanggil ionized gases yang istilahnya plasmas – jangan mempertikaikan, plasmas. Plasmas ini gas-gas yang panas – hot ionized gases, dia panggil plasmas. Plasmas ini banyak di cakerawala kita ataupun cosmos kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi masalah-masalah seperti brown dwarfs yang merupakan energetic nuclei of galaxies mengandungi black holes and blackground radiation dan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, mestilah kita lengkapkan di dalam Planetarium kita kajian mengenai radar astronomy dan mengenai space exploration. Di sini saya hendak bersama-sama berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat satu buku yang ditulis oleh Timothy Ferris yang sangat menarik perhatian saya, *“The Whole Shebang”*. Ini ditulis oleh profesor cosmology daripada University of California, Berkeley. Ini memang di dalam istilah orang ramai dan banyaklah yang mengandungi jawapan-

jawapan yang baik untuk semua sebab kita hendak menjadikan negara ini negara sains dan teknologi, kita mestilah mempelajari buku-buku seumpama ini, misalnya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua,

*“The Whole Shebang” mengandungi cerita sains terkini, fahaman tentang kemungkinan terdapat banyak cakerawala, banyak cosmos dan cakerawala kita hanya merupakan salah satu cakerawala, setiap cakerawala mempunyai undang-undang fizik dan harapan-harapan, prospek-prospek yang berbeza untuk kemungkinan wujudnya hidupan – creation and origin of life.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak di dalam Planetarium itu ada memberitahu penemuan-penemuan ataupun cerita-cerita yang mutakhir mengenai perkembangan cosmology, misalnya pada beberapa minggu yang lepas melalui satelit, pihak cosmologist sudah menemui, mungkin di kutub-kutub ‘purnama raya’ ada ais – air batu – di kutub-kutub ‘purnama’. Kalau di kutub-kutub ‘purnama’ wujudnya ais, ini bermakna mungkin ada hidupan, mungkin kita apabila Malaysia boleh wujudkan industri angkasa lepas pada 20, 30 tahun hadapan kita pun boleh pergi ke ‘purnama’ untuk hidup di situ, mungkin, kerana ada ais di situ.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Bulan.

**Dr. Tan Seng Giawa:** Bulan, ‘purnama’ pun boleh, ‘rambulan’ pun boleh kerana minat di dalam cosmos dan sebagainya. Padang Terap saya pun

seronok juga kerana sekarang dia sudah berminat kerana nama bulan itu banyak.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya bukan berminat tentang apa yang dia cakap. Saya keliru dengan istilah yang dia beri. 'Purnama' itu adalah bahasa sastera yang digunakan oleh ahli-ahli sastera untuk mendeskripsikan bulan. Kalau Yang Berhormat maksudkan bulan, di Jupiter pun ada bulan. Di lain-lain cakerawala pun ada bulan-bulannya, sebut 'bulan' barulah pegawai-pegawai boleh faham. Ini purnamalah, rambulanlah. Jadi orang lain cakerawala pun dia dah confuse dengan universe. Jadi gunakanlah bahasa saintifik. Janganlah dicampuradukkan sastera dengan sains.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan mesyuarat*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik, Tuan Yang di-Pertua. Banyak undang banyak banyak garam, banyak orang, banyak ragam. Memang banyak. Dan banyak cakerawala, banyak garam. [*Ketawa*] Banyak interstellar banyak ragam juga. Itulah masalah manusia kita kerana pelbagai jenis manusia, bukan sahaja Padang Terap, Kepong, Tambun, Balik Pulau, semua pun ada. Banyak garam, banyak ragam. Banyak jenis fahaman. Sehingga teori relativiti tidak boleh dipakai lagi di ekonomi kerana kalau kita terus memakai teori relativiti ekonomi, kegawatan ekonomi tidak akan pulih. Tuan Yang di-Pertua, saya petik sedikit dengan izin, Tuan Yang di-Pertua daripada ini kerana saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat boleh membaca buku ini kerana kita hendak faham dengan lebih mendalam. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "We live in the changing universe, and few things are changing faster than our conception of it. The cosmos of our not-so-distant ancestors was small, static and Earth-centered. By the middle of the twentieth century we had discovered that we are adrift in an expanding universe so large that light from its outer reaches takes more than twice the age of the earth to reach our

telescopes. Looking ahead, we can see an emerging cosmology in which our universe turns out to be a great deal larger still, and to be but one among many sovereign universes.

“Our conceptions of how the universe works have changed as well. For more than a thousand years it was thought that the heavens obeyed a different physics than pertains here on earth. With the scientific renaissance that culminated in Isaac Newton’s work it became clear that, on the contrary, the same natural laws rule the earth and the sky ....

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagilah untuk kita memahami cakerawala ini. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, “From the perspective of cosmic history, all scientific questions turn ultimately into narratives. The room in which I am writing these words looks out on a steep hillside in Sonoma Country, California. The hill is steep because it is fairly young; erosion by wind and rain has not yet had time to wear it smooth. (Looking carefully, one can see the remnants of extinct volcanoes among the peaks that rim Sonoma’s Valley of the Moon.) It’s young because it stands near the San Andreas fault, in one of the most geologically active regions in the world. Why is the region active? Because it is here that the Pacific Plate, inching its way east, collides with the plate that supports the Americas. Kerana ditulis oleh profesor daripada Amerika. The Pacific Plate dives down, the Americas wrinkle upward, and fresh mountains are built. Plate motion carries the mountains north. Some of the rocks in these hills resided, millions of years ago, on the floor of the South Pacific from whence they migrated to Chile before turning left; now they are passing through, on their way to Alaska.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “At no point in this long chain of questions and answers does nature suggest that we can with just cause insert a knifeblade and declare that everything prior to this time, or larger than this scale in space, belongs to the universe, while everything earlier on smaller

belongs to the realm of purely human affairs. Nothing that is human is purely human, and nothing that we see in the sky is purely cosmological. We are embroiled in the cosmos. All roads lead to cosmology, and the higher we climb, the farther we can see, - the higher we climb, the farther we can see.”

Tuan Yang di-Pertua, saya akan habiskan tidak lama lagi. Tuan Yang di-Pertua, “The cosmologist ....

**Dr. Tan Chong Keng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam tunjuk minat ni.

**Dr. Tan Chong Keng:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, bila Kepong kata tidak lama lagi, saya nak tanya, tidak lama lagi ikut cosmology, berapa lama, tidak lama lagi. Bolehkah cut short the story? Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, boleh saya akan habiskan beberapa minit lagi. Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya nak bagi dia peluang juga untuk meluahkan perasaan dia. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, “The cosmologist is like William Blake’s builder of a ladder to the stars. I want! I want!” he cries, but there’s nothing to hold up the top of the ladder, and he’s not too sure about who’s holding the bottom, either. Who are we, and what do we want? Cosmology like every other human endeavour comes back to us in the end, but it’s not just about us. That’s the beauty of it - that we return from the voyage altered. Galaxies, like ocean coral, work a sea change, and make of us something rich and strange. T.S. Eliot wrote:

We shall not cease from exploration

And the end of all are exploring

Will be to arrive where we started

And know the place for the first time.

and finely dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ini yang diminati oleh sesetengah orang,

“What about God?”

The deity has been implicated in cosmology since the dawn of human history. Every monotheistic religion credits God with having created universe. Plato, Aristotle, and scores of other philosophers have declared God responsible for the natural order revealed in the regular motions of the planets and stars. Theologians assert that it is owing to God’s grace that human reason can comprehend the laws of nature. God has even been invoked as a solution to the observership problem posed by the Copenhagen interpretation of quantum physics.

“So it seems reasonable to ask what cosmology, now that it is a science, can tell us about God”.

“Sadly, but in all earnestness, I must report that the answer as I see it is: Nothing. Cosmology presents us neither the face of God, nor the handwriting of God, nor such thoughts as may occupy the mind of God. This does not mean that God does not exist, or that he did not create the universe, or universes. It means that cosmology offers no resolution to such questions.”

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pendidikan science cosmology dipertingkatkan di negara ini dan isi kandungan Planetarium Negara diperbaiki untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai sains angkasa lepas. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukit Mertajam, selepas itu, Timbalan Menteri diminta jawab.

**4.08 ptg.**

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Fee (Planetarium Negara) (Pengesahan) 1997.

Planetarium Negara ini adalah satu tempat untuk menggalakkan pengajian sains. Pengajian sains dalam semua bidang, bukan hanya cosmology sahaja yang dicadangkan oleh Kepong. Dia itu dikepong terlalu lama. Sampai dia ingat hanya telaga sahaja yang besar dunianya. Cosmology itu hanya satu bidang sahaja antara sains. Ada banyak bidang lagi. Bidang sains perubatan, bidang sains mikro biologi, bidang sains kimia, bidang sains mikro-mikro. Yang mikro-mikro itu sebenarnya adalah asas dunia mikro kalau tidak ada pemahaman sains mikro, mana ada sains mikro. Fizik itu memang ada asasnya. Kertas 'biru' itu nantilah... kalau fizik itu adalah satu asas kefahaman sains memang adalah banyak lagi yang kita perlu tahu.

Saya sokong dan saya memang bersetuju dengan tujuan negara kita adakan Planetarium Negara sebagai satu tempat untuk menggalakkan minat antara pelajar-pelajar yang muda dan saintis-saintis muda negara ini untuk menggalakkan bakat-bakat muda yang minat dalam sains teknologi.

Saya juga bersetuju dengan cara negara kita menggalakkan pertandingan-pertandingan reka bentuk, ciptaan dalam sains dan berbagai-bagai hadiah-hadiah ciptaan reka bentuk, sains yang diadakan tiap-tiap tahun oleh universiti-universiti tempatan, badan-badan sains, fizik, kimia dan sebagainya yang diadakan untuk mendapatkan bakat-bakat antara golongan pelajar, kolej atau universiti. Yang penting sekali kita mesti tunjukkan kesedaran bahawa sains itu adalah kehidupan, dan kehidupan itu adalah sains. Kita tidak boleh asingkan sains daripada kehidupan secara teori sahaja. Teori relativiti itu memang adalah satu teori pendekatan kepada dunia yang sebenar. Satu teori yang belum disempurnakan lagi walaupun ahli sains itu seorang saintis yang lebih kurang dekat dengan titik sempurna, belum lagilah.

Memang kalau ada seorang saintis yang 100% sempurna itu adalah tuhan. Tuhan adalah satu-satunya saintis yang 100% sempurna. Dan saya percaya dalam usaha manusia mendekati titik sempurna ini kita tidak akan

sampailah, walaupun kita boleh sampai 90%, dengan izin kita tidak boleh 99% atau 99.9%. Jadi walau bagaimanapun, kita hanya boleh cuba dan cuba dan cuba, dan sebenarnya usaha cuba dan cuba itu adalah motivasi untuk the human race to go on, dengan izin kalau satu hari human race sudah sampai, apa lagi motivasi yang tinggal, tiada lagilah manusia tidak akan maju lagi, kalau kita sudah sampai.

Kalau kita ambil satu perjalanan dari Bukit Mertajam ke Kuala Lumpur dengan naik kereta api, pemandangan disepanjang jalan adalah lebih menarik daripada apabila kita sampai stesen kereta api Kuala Lumpur sahaja, ada apa yang indah. Yang indah itu pemandangan Ipoh, pemandangan Tanjung Malim dan banyak yang lebih menarik bukan apabila kita sampai. Dan sains itu sebagai satu proses satu pendekatan 'discovery approach' dengan izin, adalah lebih menarik sebagai satu cara pengajaran pembelajaran yang mesti digalakkan antara pelajar-pelajar muda kita.

Lagi dalam zaman IT ini lebih-lebih lagi kita mesti menggalakkan pendekatan ini. Menggalakkan cara ini sebagai satu cara 'discovery method' supaya pelajar-pelajar kita dapat menjalankan perjumpaan dengan sendiri. Kita tidak katakan kita mahu semua pelajar itu rediscover the view. Cuba sekali lagi, macam mana kita buat rojak, tidak tak payah membazirkan masa, kita mahu dia orang itu discover perkara-perkara yang baru, melalui Internet mereka boleh cari maklumat-maklumat yang penting, membuat kajian tentang sesuatu topik kajian yang diberi dalam sukatan pelajaran bila diberi satu assignment universiti dapat masuk ke perpustakaan buka komputer, maksud saya pasang komputerlah, masuk Internet, masuk website yang betul cari maklumat yang betul, lengkapkan kerja assignment dengan maklumat yang diperlukan. Mereka mesti digalakkan mengambil approach perjumpaan discovery method itu dan sains memang memberikan pendekatan ini dan saya mahu Kepong itu mengikuti jalan pendekatan perjumpaan itu discovery method, walaupun ia

dikeponglah dia mesti mencari jalan keluar, itu adalah tujuan sains dalam kehidupan. Sains itu sebagai satu kaedah problem solving, problem shooting, problem solving, dengan izin adalah satu pendekatan, penyelesaian masalah yang effective dalam kehidupan yang sebenarnya. Kita tidak mahu pelajar itu hanya semata-mata pentingkan fakta-fakta, apa nombor ini, apa nombor itu, apa tahun ini dijumpai, apa nama, semuanya tak penting, kita pentingkan semua itu. Kita sebenarnya mesti pentingkan cara-cara, konsep-konsep, falsafah-falsafah yang menjadi tulang belakang, pengetahuan konsep dan perkembangan sains melalui zaman-zaman yang berlainan. Zaman-zaman macam apa yang disebutkan tadi kita tahu daripada kebudayaan-kebudayaan yang berlainan kebudayaan barat, kebudayaan timur memang terkandung dalam banyak bahagian pengajaran sains.

Di antara pengajaran-pengajaran agama-agama pun terdapat banyak pengetahuan sains, dan kita sebagai warganegara Malaysia. Planetarium Negara Malaysia ini pun mesti cuba menunjukkan apakah sumbangan penting yang diberikan oleh kebudayaan-kebudayaan Melayu, China, India dan kaum-kaum yang lain dalam Malaysia ini dalam perkembangan sains. Contohnya kaum Melayu melalui Quran, melalui Arabic apakah sumbangannya dalam matematik dan sains, melalui kebudayaan India - Sanskrit apakah sumbangan kepada sains. Cubaan nombor sifar itu the golden zero dan melalui abacus yang lain reka bentuk kertas dan powder yang lain, apakah orang China membawa ke dalam dunia sains dan lain-lain lagi.

Dan kita mesti cuba tunjukkan sumbangan-sumbangan ini melalui sejarah, sumbangan sejarah kepada sains dan teknologi di Planetarium Negara. Sebagai satu ingatan apakah sumbangan yang telah dibuat oleh warganegara atau pun kaum-kaum yang menjadikan warganegara Malaysia ini. Dan kita mesti tunjukkan ke arah yang manakah Malaysia cuba pergi, kita cuba masuk ke dalam bidang angkasa lepas dengan menghantar ahli-ahli astronomi untuk

diberi latihan di Amerika. Kita cuba hantar satelit dengan roket di China, bukan roket DAPlah, roket DAP selalu tumpang sajalah. Kita mesti cuba hantar mesej-mesej ini secara betul kepada orang ramai kita, jadi sumbangan-sumbangan ini perlu diberikan maklumat yang betul kepada mass media, kepada orang ramai supaya mereka tahu apakah perkaitan yang penting dalam kehidupan yang sebenar.

Dan dalam hal ini kita mesti selalu kemaskinikan kurikulum sains dalam sekolah rendah, sekolah menengah dan juga dalam universiti supaya kita tidak selalunya baca atau belajar sejarah sains. Kita tidak mahu pelajar-pelajar kita yang dikatakan pelajar sains itu dia belajar sejarah sains, kita mahu dia orang belajar sains bukan belajar sejarah sains, sejarah sains dahulu boleh dilihat dengan secara ringkas melalui Internet atau melalui buku sejarah sains yang tidak begitu berguna, hanya untuk pelajar-pelajar yang akan buat pengkhususan dalam 'the History of Science' itu bukan untuk saintis, itu sebenarnya untuk historian, dengan izin. Macam Kepong tadi dia itu adalah seorang historian, historian of sciences dia bukan saintis tapi dia cuba kelirukan ahli-ahli Dewan ini dengan apa yang diutarakan.....

**Seorang Ahli** : Dia merapu.

**Dr. Tan Chong Keng** : Dia dikepong, dia dikelirukan dan dia cuba kelirukan orang lain jadi 'historian of sciences bukan sama dengan saintis.

Negara kita Malaysia pada zaman IT ini memerlukan lebih ramai saintis, bukan lebih ramai historian of scientist. Kita perlukan orang yang sebetulnya membuat sains, bukan orang yang belajar tentang perkembangan sains pada masa dahulu. Memang kita pentingkan macam mana sains berkembang pada masa dahulu. Tetapi apa yang kita lebih pentingkan adalah macam mana kita tentukan haluan perkembangan sains pada masa hadapan. Kita tentukan haluan itu dan kita mesti rancang tenaga manusia, sumber manusia yang perlu diadakan supaya tujuan-tujuan perkembangan sains pada masa hadapan dapat

dicapai. Itu adalah rancangan yang mesti ditunjukkan oleh beberapa kementerian seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan juga mesti ditunjukkan oleh Planetarium Negara ini yang menunjukkan minat ini kepada orang ramai supaya orang ramai dapat merasakan minat kepada negara kita ini sebagai sebuah negara yang mengambil langkah yang besar ke arah zaman negara yang membangun.

Kita mahu masuk ke dalam zaman IT tetapi bila saya menerima buku panduan kecil yang dikatakan Pengendalian Sistem Persidangan di Dewan Rakyat, Bangunan Parlimen Malaysia ini, nampaknya buku panduan ini sudah pun obsolete, kerana apa yang kita ada di sini tidak sama dengan apa yang ada di dalam buku ini. Dalam panel ini terdapat lima butang, di dalam buku ini terdapat enam butang, lima di sini satu di bawah, sudah berlainan. Jadi alat yang simple macam ini kita pun tidak boleh buat di Dewan yang mulia ini. Macam mana kita hendak menangani masalah yang lebih kompleks dalam dunia IT, yang senang tidak dapat ditangani dan ini pun sudah mengambil masa lebih kurang lapan bulan. Kita sudah nampak gadget ini di depan kita lebih kurang lapan bulan, setahun ada ahli yang katakan sudah menjadi setahun - dan belum dapat dipakai lagi. Setahun masanya belum dipakai, sekarang buku panduan yang keluar itu tidak sama dengan alat yang kita ada di sini. Jadi macam manakah kontrak ini diberikan.

Kita hendak faham macam mana alat yang mesti canggih tetapi nampaknya tidak canggih, alat yang mesti berkesan nampaknya tidak berkesan sudah dibekalkan kepada ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Saya harap alat-alat yang dipamerkan di Planetarium Negara itu tidak semacam ini. Alat-alat ataupun eksperimen-eksperimen yang dipamerkan di Planetarium Negara itu mesti berkesan dalam menunjukkan konsep sains, dalam menarik minat sains antara murid-murid yang membuat lawatan ke Planetarium Negara.

Saya berharap lebih banyak publisiti diberikan oleh mass media kepada apa isi kandungan eksperimen-eksperimen ataupun apa yang dipamerkan di Planetarium Negara itu supaya pelajar-pelajar daripada jauh atau dekat boleh mengunjungi tempat ini beramai-ramai, bukan untuk mempertingkatkan lagi pendapatan yang boleh didapati oleh Planetarium Negara ini tetapi untuk memastikan bahawa apa yang dipamerkan mendapat sambutan yang baik oleh pelajar-pelajar di seluruh negara dan untuk memastikan bahawa usaha-usaha kakitangan Planetarium Negara yang bertungkus-lumus itu tidak disia-siakan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap beberapa kementerian yang saya sebutkan tadi dapat membuat kerja penyelarasan yang lebih berkesan dalam kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan ataupun research and development, dengan izin dan saya harap badan-badan seperti syarikat swasta boleh melibatkan diri dengan pembangunan dan penyelidikan dengan lebih rapat lagi terutama sekali dengan konsep industrial involvement in highest center of learning, dengan izin. Dengan cara ini kita boleh dapat lebih banyak penglibatan sektor industri dalam sektor penyelidikan dan pembangunan di institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta supaya kerja-kerja penyelidikan yang dibuat itu boleh dipasarkan dengan tujuan membangunkan industri untuk eksport ataupun untuk pemasaran dan kita mesti memastikan supaya industri penyelidikan dan pembangunan itu dapat disokong dengan wang ringgit yang didapatkan melalui pemasaran barangan-barangan hasil penyelidikan itu.

Saya rasa dalam hal ini badan-badan seperti RISDA, PORIM, MARDI, LKIM, badan-badan pertanian dan sebagainya pun boleh terlibat dalam penyelidikan-penyelidikan saintifik yang boleh membawa keuntungan, contohnya dalam penyelidikan klon-klon padi yang boleh membawa hasil yang lebih baik, klon-klon buah-buahan, pokok-pokok buah-buahan yang lebih berhasil dan ikan-ikan ataupun jenis udang-udang yang lebih senang

dipeliharakan dan sebagainya. Badan-badan ini juga boleh memberikan perhatian kepada penyakit-penyakit yang dihadapi oleh industri perikanan seperti penyakit ikan yang dihadapi oleh ikan-ikan di Hong Kong baru-baru ini. Adakah penyakit-penyakit yang sama akan merebak ke Malaysia ataupun rantau ini. Ini adalah satu soalan yang kita mesti beri perhatian walaupun jauh dari sini.

Adakah penyakit-penyakit yang selalu membawa kerosakan dan kerugian yang besar kepada penternak udang dapat ditangani oleh MARDI atau badan-badan yang lain. Itu semua adalah menjadi satu masalah yang penting untuk warganegara kita dan saya rasa badan-badan penyelidik, badan-badan sains dan teknologi dapat memberi bantuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa soal penyelidikan mengenai penyakit-penyakit itu bukan dalam bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**Dr. Tan Chong Keng:** Saya hanya beri contoh sahaja dan saya akan menggulung.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya beri contoh-contoh dahulu untuk menunjukkan bahawa beberapa kementerian itu perlu pentingkan kerja-kerja penyelarasan supaya mereka ada kerja hand in hand, supaya mereka tidak mengambil langkah-langkah yang boleh menjejaskan usaha satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyeru supaya kerajaan akan memberi bantuan untuk penerbitan buku-buku teks dan buku-buku rujukan terutama sekali dalam Bahagian Sains dan Teknologi untuk menggalakkan pembacaan buku-buku, untuk mempertingkatkan pengetahuan sains dan teknologi. Dan saya juga ingin menyeru supaya bayaran kadar Telekom terutama sekali kadar Internet dikurangkan, supaya pengguna-pengguna Internet dapat menikmati kemudahan Internet untuk membaca bahan-bahan melalui web side secara lebih murah, lebih menjimatkan duit kalau

mereka ingin mencari maklumat-maklumat melalui Internet. Dengan cara itu saya haraplah pada seluruhnya negara kita dapat menggalakkan pengetahuan sains teknologi termasuk jauh sampai cosmology dan kecil sampai micro organism dapat digalakkan. Kita berharap Planetarium Negara dapat diuruskan dengan baik dengan peruntukan yang diberikan dan saya harap orang ramai dapat memberikan satu sambutan yang bagus terhadap pameran yang disediakan oleh Planetarium negara ini.

Sekian sahaja, saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**4.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, dari Kepong dan dari Kota Melaka yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang dibawa mengenai dengan Akta Fee (Planetarium Negara) (Pengesahan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, setiap yang baharu itu ada kekurangannya - banyak kekurangannya. Planetarium ini baharu wujud dalam tahun 1994. Seperti yang telah saya nyatakan pada permulaannya, Tuan Yang di-Pertua, kewujudannya di bawah Jabatan Perdana Menteri, selepas itu baharulah dipindahkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, yang saya hormati sebagai bekas pensyarah ahli akademik. Dia telah menjawab banyak perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Saya tahu Yang Berhormat dari Kepong adalah seorang pakar juga tapi pakar dalam bidang lain. Dia bermacam-macam, dalam dunianya beribu-ribu pakarnya. Kalau pakar telinga dia tidak

boleh mengatakan bahawa dia pakar dalam bidang jantung. Masing-masing ada pengkhususan-pengkhususan kepakaran. Itulah dunia ilmu ini cukup luas dan tidak ada manusia yang mengetahui segala-galanya melainkan Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam atas teguran-teguran yang dibuat dan kita cuba menambah, mengisi peralatan-peralatan yang kurang kerana memanglah kita serba kekurangan. Planetarium ini mempunyai ruang 4,000 kaki persegi atau 400 meter persegi, jadi bayangkanlah. Barangkali seluas ini sahaja, kita baharu di satu tempat yang mahal harga tanahnya kalau hendak dinilai sekarang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam hidup saya alami, dalam saya dapat ikuti kalau kita tinggi sangat pengajarannya, kita cuba menyelami ilmu ini terlampau dalam, ahli-ahli sains ini kebanyakannya eccentric katanya, dengan izin. Dia punya pemikiran tinggi, hanya dapat dikumpulkan oleh pengkaji-pengkaji yang mempunyai akal yang waras sahaja, yang mempunyai minat sahaja untuk mengumpulkan ilmu-ilmu ini dijadikan buku untuk rujukan-rujukan warisan akan datang, untuk manusia seperti kita yang hidup di zaman ini dan manusia yang akan hidup di zaman esok dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahu cakap dan kalau saya mengikuti dan kalau saya belajar apa yang telah disyorkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, saya ingat saya tidak duduk di sini sebagai wakil rakyat, ahli Parlimen. Saya akan menjadi salah seorang daripada pensyarah di salah satu universiti sains hari ini tetapi ini bukan bidang saya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya bimbang ahli sains ini kalau terlampau tinggi sangat, kita bimbang dia tidak akan mengenal bahawa seolah-olah dunia ini tidak ada orang yang menciptanya, yang mewujudkan dunia ini. Kepada kita sebagai orang Islam, Allah S.W.T. yang menciptakan bumi ini, sebenarnya adalah Allah S.W.T. yang menciptakan bumi ini. Itulah iman, kepercayaan

kami sebagai penganut agama Islam dan mungkin juga kepada penganut-penganut agama Kristian yang ada kitab.

Tuan Yang di-Pertua, masa itu adalah emas. Jangan kita habis-habiskan tanpa ada pengkhususannya, pegangannya. Kenapa akta tidak digazetkan sebelum kutipan dibuat sebelum ini. Ini soal pokok.

Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Planetarium Negara merupakan agensi pertama yang mengenakan bayaran untuk menjalankan aktiviti pendidikan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, tetapi Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar tidak mempunyai akta kawalannya yang tersendiri bagi tujuan tersebut. Dengan ini Planetarium Negara terpaksa mewartakan kutipan melalui Akta Fee, macam saya katakan dalam pembentangan saya semalam. Akta Fee menetapkan kadar bayaran yang tetap yang hanya boleh dipinda melalui prosedur Parlimen. Itulah kita bawakan kepada Parlimen.

Planetarium negara berpendapat bahawa kadar yuran masuk dan bayaran untuk aktiviti seharusnya flexible. Hendak dikurangkan 10 sen, RM1.00 atau hendak dinaikkan 10 sen, RM1.00 dan seterusnya. Planetarium telah mencari cara-cara untuk menjalankan kutipan tanpa digazetkan di bawah Akta Fee. Selepas kajian yang panjang dan mendalam dijalankan, didapati bahawa kita terpaksa juga mewartakan kadar yuran ini di bawah Akta Fee disebabkan tidak ada instrument pentadbiran lain yang boleh digunakan. Perkara ini telah dibawakan kepada Kabinet, dibawakan kepada Attorney - General, turun naik, turun naik. Maka keputusan pendapat Attorney - General maka perkara ini mesti dibawa kepada Parlimen. Itulah yang dapat saya beritahu kenapa akta ini tidak digazetkan sebelum kutipan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai pameran tidak menarik dan superficial, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, Planetarium

Negara mempunyai kawasan yang amat terhad, macam yang saya katakan 400 meter persegi. Apa yang ada tidak dapat dipamerkan dengan mendalam jika pendedahan yang meluas diberikan. Tempat yang kecil kita tidak boleh letak segala-galanya. Konsep Planetarium Negara adalah berbentuk menyeluruh, luar dan dalam.

Ini menjadikan ia sebagai sebuah planetarium yang unik, kita menekankan konsep angkasa bukan sahaja di dalam bangunan tetapi juga di luar bangunan. Kita ada taman angkasa contohnya taman Balai Cerap Purba yang memberi maklumat tentang mengapa pungguk rindukan bulan, ini kenalah wakil Kepong tadi, saya takut juga hendak sebut bulan-bulan, kalau kita cakap fasal bulan ini, ini orang datang bulan, ini tarif di kampung-kampung, ini merbahaya. Kalau orang itu 'datang bulan', ada dia punya eccentricity. Kita juga ada kawasan berkelah yang berasaskan batu-batu daripada bulan, ada, ukiran angkasa replika balai cerap dan jam matahari.

Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan mengapa tidak ada guide, sebenarnya semuanya ini self-explanatory, dengan izin, tempat-tempat yang dilawati oleh pengunjung-pengunjung Planetarium semua ada cerita-cerita. Kalau kita mahu memberi masa sedikit untuk membaca, kita dapat tahu, tetapi kalau ada kumpulan-kumpulan yang membuat lawatan-lawatannya, maka ini akan disediakan guide. Kalau hendak satu orang, dua orang hendak guide, ia tidak economic katanya, dengan izin. Kalau lawatan secara berkumpul ada, dan ianya ada self explanatory, dengan izin, ia ada tulisan-tulisan. Kalau kita memberi masa sedikit bila melawat, jangan cepat-cepat, ambil masa sedikit, kita akan dapat tahu baca semuanya.

Kenapa filem tidak ada kaitan dengan angkasa? Filem tidak ada kaitan dengan angkasa. Filem yang ditunjukkan di Planetarium Negara hampir kebanyakannya sama dengan yang ada di Planetarium Singapura. Kita hendak mengagungkan Singapura, fasal mahal dia ada semua, sebenarnya ada

kekurangannya di sana. Singapura juga menayangkan Grand Canyon walaupun ia tidak ada kaitan secara langsung dengan angkasa - ada. Apa kita hendak hebohkan, apa kita hendak kisahkan sangat perkara ini. Kita juga telah menayangkan filem tentang angkasa, contohnya, Tomorrow and Space, To Be and Astronaut dan To Fly dan Ring of Fire yang telah dilihat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat wakil Parlimen yang telah menerima undangan kami. Ini cukup baik, very exciting, dengan izin, dia tidak pergi. Planetarium Negara terus menyajikan pertunjukan multimedia terbitan tempatan mengenai angkasa. Di Singapura tayangan seperti ini telah diberhentikan, sebab tidak ada menguntungkan dari segi viability dia, daripada economic dia, dia tidak buat profit. Bagi kita tidak kerana ini adalah satu projek sosial, kita dapat kutip RM2 juta tetapi kita belanja lebih daripada RM7 juta hingga setakat ini.

Masalah disc orientation selepas menonton teater di Planetarium, kata Yang Berhormat Kota Melaka. Ia adalah masalah biasa, peninglah, itu, ini dan bergantung kepada individu yang mungkin mempunyai masalah kesihatan dia pada masa itu. Contohnya penyakit Darah Tinggi dan lain-lain, bagaimanakah ianya tidak membahayakan kesihatan. Memang kalau kita tengok Ring of Fire seolah-olah kita berada di California bersama-sama jatuh dengan bangunan-bangunan yang runtuh, itu dia, tanya ahli-ahli Parlimen yang pergi. Bagi siapa yang tidak pergi, yang tidak lihat filem ini tentulah dia tidak dapat hendak menggambarkan ini.

Cadangan buka balai cerapan kepada orang ramai. Tahun lepas, Tuan Yang di-Pertua, planetarium ada aktiviti cerapan satu malam setiap bulan, 30 orang yang hadir, kadang-kadang 300 orang ada hadir, bukan tidak ada.

Cadangan pameran lukisan angkasa, planetarium sedang merancang satu aktiviti dengan kerjasama dengan Balai Seni Lukis Negara untuk mengumpulkan karyawan-karyawan di satu pulau, mungkin di Pulau Perhentian, di negeri saya sendiri, mungkin, ini yang cantik sekali dan

menghasilkan lukisan tentang angkasa lepas. Dia pergi dua, tiga hari di sana, dia tengok bintang, ada dengan pegawai-pegawai kita, ahli-ahli sains kita akan menceritakan, kemudian dia balik, dia akan lukiskan, karyakan ini semua, jadi dia akan dipamerkan. Lukisan tersebut akan dijadikan bahan-bahan pameran. Ada semuanya akan dibuat, tetapi kerana planetarium ini adalah baru, dan kalau kita hendak compare, kita hendak adukan dengan yang daripada Amerika, ini dia sudah berapa puluh tahun, saya pun pergi tengok juga Kennedy Space, tengok macam-macam tetapi bila datang di sini, kita pun hebat juga, hebat setakat standard kita di sini. Ini adalah satu pembaharuan dalam mengetengahkan sains kepada masyarakat, terutamanya kepada anak-anak sekolah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan yang saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bintulu bangun.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Penjelasan, soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang saya tertarik dengan jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri dan dalam kesempatan membahaskan Rang Undang-undang ini, saya ingin mengajukan satu soalan iaitu, kemajuan dan pembangunan sains angkasa banyak tertumpu di Semenanjung seperti Pusat Sains dan Balai Cerap yang terdapat di ibu negara dan mungkin dalam perancangan untuk dibina di beberapa tempat lagi. Tetapi bagi rakyat Sarawak mereka tidak berpeluang menikmati kemudahan ini dan apa-apa pameran yang disebutkan Yang Berhormat Timbalan Menteri memang sangat tertarik. Adakah kementerian mempunyai perancangan untuk membina bangunan Balai Cerap seperti di Kuala Lumpur ini dibina juga di

Sarawak supaya rakyat di sana berpeluang menikmati dan mempelajari sains angkasa yang mana Malaysia kini sedang melangkah masuk ke sains angkasa. Mereka boleh menyaksikan keindahan alam dan bintang-bintang di angkasa dari sana dan tidak perlu datang ke Kuala Lumpur, untuk melahirkan rakyat yang berpengetahuan sains terutama penerokaan sains angkasa, satu Balai Cerap di Sarawak perlulah dirancang dan didirikan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat dari Bintulu. Sebenarnya satu Balai Cerap akan dibina di Sarawak. Saya tahulah ini, tapi bila, ini bergantung kepada keadaan ekonomilah, memang sudah ada tetapi apabila kegawatan ekonomi, kerajaan cuba mengurangkan perbelanjaan sedikit sebanyak, terhenti buat seketika waktu, tetapi rancangan ini memang ada. Saya sendiri dengarlah, saya tahu, jangan bimbanglah Yang Berhormat saudara kita dari Bintulu dan terima kasih atas pandangan tadi yang diberikan. Ini melahirkan perasaan dan harapan orang-orang daripada Semenanjung Timur. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagaimana Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*].

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) 1998**

### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**4.55 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini memberi kebenaran bagi peruntukan sejumlah RM7,020,420,263 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1997 adalah berjumlah RM9,302,302,123 dan daripada jumlah ini sebanyak RM7,020,420,263 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini. Manakala bakinya sebanyak RM2,281,881,860 adalah

perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) tambahan sebanyak RM6.7 bilion di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan;
- (ii) tambahan sebanyak RM138 juta di bawah Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan untuk bayaran emolumen dan perbelanjaan Angkatan Tentera Malaysia di Bosnia-Herzegovina;
- (iii) tambahan sebanyak RM50.4 juta di bawah Maksud B.36 - Polis Diraja Malaysia untuk membiayai pelaksanaan penyusunan semula perjawatan Polis Diraja Malaysia dan sebahagian bayaran imbuhan kakitangan;
- (iv) tambahan sebanyak RM39.8 juta di bawah Maksud B.26 - Kementerian Pendidikan untuk membiayai pembayaran emolumen dan sebahagian bayaran imbuhan kakitangan;
- (v) tambahan yang lain merupakan peruntukan tanda RM30.00 bagi Maksud-Maksud P.7 - Jabatan Perdana Menteri, P.14 bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan P.44 Kementerian Penerangan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1977 adalah seperti yang dinyatakan dalam Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1998 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16A Tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1997 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.3) 1997

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1996, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus lima puluh lima juta, lapan ratus lapan puluh dua ribu, tujuh puluh (RM455,882,070) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus lima puluh lima juta, lapan ratus lapan puluh dua ribu, tujuh puluh (RM455,882,070) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang

bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang RM455,822,070 daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

#### **5.05 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dalam bahaya, jatuh daripada sebuah negara first class dekat status negara membangun kepada satu negara third class di mana masalah pokok untuk memberi perbekalan, keperluan yang basic kepada rakyat semacam air, udara yang bersih, air paip dan makanan yang pokok pun menimbulkan satu krisis. Oleh kerana dengan izin, complacency, oleh kerana sheer incompetence, pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat perlulah menumpukan perhatian mereka dan akan lalai kalau kita tidak kaji masalah pokok ini. Kenapa negara kita tiba-tiba menghadapi risiko, diturunkan daripada sebuah negara first class kepada sebuah negara third class, di mana ada kekurangan makanan, adalah kebuluran di Sabah di mana ada krisis kekurangan air dan ada krisis jerebu, malapetaka, environment di Malaysia. Di mana ada krisis ekonomi yang berkekalan, di mana dalam tiga minggu lalu sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kemukakan budget yang ketiga pada 25 Mac 1998 ada masih menghadapi masalah krisis ekonomi yang boleh dilihat apabila indeks komposit BSKL jatuh lebih daripada 100 mata dalam 3 minggu ini.

Pagi ini, ada satu rombongan Ahli-ahli Parlimen DAP dan Ahli Undangan Negeri ada menemui Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mengenai kekurangan air. Krisis kekurangan air di negara kita khasnya di Lembah Klang di mana lagi 3 hari, 1.2 juta orang akan terlibat dalam satu program rationing air yang baharu. Kita ada menyampaikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri mengenai rasa ketidakpuasan rakyat bukan sahaja mengenai kegagalan pihak yang bertanggungjawab untuk mengadakan pelan-pelan contingency untuk mengelakkan satu krisis kekurangan air yang mereka patut ada cukup amaran yang beberapa bulan dahulu untuk mengelakkan tetapi pun mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata oleh kerana sistem percatuan, pengagihan air yang menimbulkan masalah keadaan kesusahan malah penderitaan kepada orang ramai.

Beberapa orang sudah meninggal dunia oleh kerana pressure, desakan krisis air ini dan saya tidak tahu berapa orang akan meninggal dunia sebelum krisis kekurangan air ini berakhir dan krisis kekurangan air ini akan lebih rumit dalam masa hadapan.

Pagi ini sebenarnya saya mendapat satu E-mail yang menunjukkan mengenai betapa pahit dan serius masalah tidak puas hati rakyat jelata. E-mail ini adalah berbunyi, dengan izin:

*“It is almost one month since we last had water. One month, apparently only a few houses in Taman Bahagia, Cheras has on and off water supply. The rest have been low and dry because the water pressure is too weak to reach our homes.*

*This simply means that we get no water. Not even one drop from our taps during the rationing exercise. We hear people complaining of irregular supply and failure to follow the announced schedules. But for us, the ration exercise is one big bull.*

*I have been carrying water every day and doing our laundry at relatives all this time. This cannot go on like this.*

*My complain is not simply because there is no water. I understand that this is a problem affecting everyone. My complain is how come some housing areas have no water at all, while others receive their supply irregularly while still others have been receiving running water throughout this whole water crisis.*

*It is bad enough that our government cannot manage water the supply effectively. It is unbelievable that they cannot even manage rationing during this water crisis.*

*The way I see it, somebody has to do some jumping into some lakes, if they have all not dried up yet”*

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya oleh kerana tindakan yang serta merta yang beliau ambil untuk mengarahkan pegawai-pegawai kementeriannya untuk siasat keadaan air di Taman Bahagia, Cheras. Tetapi apa yang perlu ialah mekanisme di mana melibatkan semua pihak jabatan air dan jabatan kerajaan yang berkenaan untuk memastikan bahawa apabila ada orang yang ada masalah, ada kompelin mengenai air termasuk pengagihan yang tidak adil bahawa kompelin mereka ada saluran dan kompelin mereka dilayani serta merta. Tetapi di negara kita bukan sahaja ada krisis kekurangan air, ada krisis jerebu dan lain-lain.

Saya sangat terperanjat, minggu lalu Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada meminta saya oleh kerana saya menimbulkan masalah jerebu di Miri. Sepatutnya dia mengucapkan ribuan terima kasih kepada saya oleh kerana menjaga kepentingan pengundi-pengundi Miri. Tetapi tidak, dia membidas saya dan kata bagaimana saya boleh mengikut satu E-mail yang dihantar oleh seorang yang bukan penduduk Miri

menyalahkan atau mengkritik kerajaan dalam dua bulan ini tidak ambil tindakan sewajarnya. Sepatutnya tidak kira, E-mail daripada orang Miri atau bukan Miri, itulah masalah rakyat Malaysia.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan kalau Yang Berhormat tidak baca *Hansard* - saya hendak jelaskan di sini, apa yang disebutkan pada hari itu apabila saya jawab perbahasan Yang Berhormat mengenai keadaan jerebu di Miri. Saya sebutkan Yang Berhormat membuat satu tuduhan yang liar, iaitu Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri langsung tidak ada ambil tindakan seolah-olahnya mengabaikan rakyat di Miri. Itu yang saya sebutkan. Bukan sebab Yang Berhormat menerima E-Mail atau Yang Berhormat menghuraikan masalah ini di dalam ucapan. Itu saya hendak jelaskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya ikuti apa yang keluar dalam surat khabar dan saya belum baca *Hansard*. Saya ikut daripada surat khabar dan saya percaya itu tidak silap. Kalau tidak, tentu Yang Berhormat sudah buat penjelasan. Tapi apa yang mustahak di sini ialah Yang Berhormat ada kata bahawa beliau ada terima banyak E-Mail, fax dan panggilan telefon kata penduduk-penduduk di Miri sangat puas hati, sangat grateful, gratitude pun mengenai cara kerajaan ambil tindakan mengenai masalah jerebu. Saya dapat reaksi daripada Miri selepas ucapan Yang Berhormat Menteri, yang mengutuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dan kalau ada E-Mail semacam itu tunjuk supaya kita tahu dan mahu E-Mail tulen, benar dan bukan direka. Tapi apa yang mustahak ialah saya tidak perlu minta maaf oleh kerana timbul masalah jerebu di Miri di Dewan ini. Orang yang patut minta maaf ialah ahli-ahli Parlimen, Barisan Nasional yang gagal untuk menimbulkan masalah jerebu, masalah rakyat di Sarawak, di Sabah dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana ini adalah satu masalah yang besar kepada mereka.

Sebenarnya dalam Dewan yang mulia ini saya ada tanya kenapa satu darurat tidak diisytiharkan di Miri oleh kerana Air Pollution Index (API) sudah lebih daripada 500. Dan jawapan yang kita dapat ialah oleh kerana tidak mahu memberi satu imej yang buruk kepada negara. Adakah sebab itu kita rela mengorbankan hak-hak penduduk di Miri? Adakah itu adil? Oleh kerana takut nanti ada pengaruh yang adverse kepada Sukom bahawa orang luar takut datang ke Malaysia sebagai pelancong. Janganlah kita rasa oleh kerana ada black-out mass media mengenai masalah jerebu bahawa rakyat di luar negara tidak tahu ada jerebu, ada masalah jerebu oleh kerana inilah masa information technology. Mereka tahu tidak boleh tutup. Lebih baik kita terus terang dan ikhlas dengan rakyat jelata.

Saya harap bahawa sebenarnya kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri yang juga ahli Parlimen Miri rasa bahawa penduduk di Miri sangat puas hati dengan apa yang berlaku pada kerajaan adakan satu opinion poll bagi di penduduk-penduduk di Miri, tengok sama ada majoriti kata mereka setuju, grateful atau majoriti mereka kata bahawa bukan sahaja ahli Parlimen tetapi kerajaan peringkat negeri atau peringkat Persekutuan sudah gagal dalam masalah jerebu di Miri.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita ada krisis kekurangan air, ada krisis jerebu, tidak ada udara yang bersih, sekarang kita ada masalah krisis kekurangan makanan di Sabah, ada kebuluran. Satu negara Malaysia yang mahu dilihat sebagai satu negara yang maju sehingga Kerajaan Sabah ada kata bahawa mereka dalam proses buat perancangan untuk mengadakan kalau perlu mass evacuation kepada mangsa-mangsa di tempat-tempat pedalaman supaya mereka boleh diberi makanan, ubat, air dan keperluan yang lain. Dan kita ada baca dalam surat khabar hari ini bahawa Menteri peringkat Negeri Sabah untuk Perkhidmatan Sosial Datuk Raymond Tan mengakui dalam enam daerah di Sabah kekurangan makanan dan sungguhpun bilangan orang yang terlibat dia

kata belum ditentukan dan tempat daerah-daerah di mana ada keluarga-keluarga pertanian yang sudah tidak ada beras ialah Kudat, Kota Marudu, Tuaran, Papar, Keningau, Sipitang di mana mereka sudah hilang crop padi mereka oleh kerana kemarau atau kebakaran.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita baca mengenai rujukan kepada 2,300 orang mangsa-mangsa di Ulu Bengkoka. Tetapi sebenarnya berapa orang mangsa-mangsa kebuluran dalam Sabah sekarang? Saya sangat terperanjat bahawa Kerajaan Negeri Sabah sungguhpun dia kata ada angka-angka mengenai bilangan orang yang menjadi mangsa kebuluran di Sabah tetapi rasa tidak boleh mengumumkan. Kenapa? Apa rahsia ini. Bukankah ini sebenarnya satu tindakan yang sangat tidak bertanggungjawab, sangat reprehensible, dengan izin, oleh kerana tanpa mengumumkan angka bilangan orang yang menjadi mangsa kebuluran. Tindakan ini ialah menidakkan segala bantuan yang boleh diberi kepada mereka, sama ada di peringkat negeri, di peringkat kebangsaan atau kalau perlu di peringkat antarabangsa. Kenapa tidak mahu umumkan angka untuk menunjukkan berapa serius masalah kebuluran di Sabah. Saya menggesa kerajaan untuk mengisytiharkan satu state of emergency di tempat-tempat di Sabah oleh kerana kekurangan air, kekurangan makanan, kebuluran, jerebu, krisis malapetaka jerebu, semua berlaku. Patutlah ada state of emergency, kalau apa yang berlaku di Sabah, berlaku di Wilayah Persekutuan atau di Semenanjung, sudah in state of emergency. Kita patut memberi perhatian dan layanan yang wajar yang sepatutnya kepada penduduk-penduduk di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang ekonomi hari ini kita baca dalam surat khabar bahawa Timbalan Perdana Menteri yang berada di Washington ada kata bahawa dengan izin, the worst is over mengenai ekonomi di Malaysia dan

bahawa negara masih dalam proses pemulihan sungguhpun kita tahu tiga minggu ini selepas third budget di Parlimen ini pada 25 Mac bahawa ekonomi tidak ada sambutan yang begitu positif. Dan kita tahu bahawa KLSE Komposit Indeks sudah jatuh lebih daripada 100 mata dalam tiga minggu ini. Daripada 731.39 mata pada 24 Mac kepada 622.78 pada akhir trading pagi ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya patut kaji mengenai ucapan-ucapan beliau sama ada ucapan-ucapan beliau adalah memberi sentimen yang negatif dalam pasaran khususnya dalam satu masa di mana apa yang patut menjadi keutamaan ialah untuk memulihkan keyakinan di pasaran.

Tetapi nampaknya baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengulangi ucapan-ucapan yang memburukkan keadaan. Dalam ucapan hari Selasa beliau nampaknya balik kepada tajuk yang lama semenjak bulan Julai tahun lalu menyalahkan krisis ekonomi kepada faktor-faktor luar khususnya spekulator-spekulator currency semacam George Soros, di mana dalam ucapan beliau dalam bermaya-Virtual Reality, satu seminar Virtual Reality di Mines Exhibition Centre yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sarawak. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya nampaknya meletakkan kesalahan krisis ekonomi ini atas currency speculators di mana beliau kata ada sebut currency trading sebagai suatu contoh, dengan izin, 'where a trader can borrow a million of units of any currency without actually taking or handling

the money and which could empoverish whole countries and regions because of currency trading, in some cases by 400%’.

Saya percaya bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mengikut nasihat-nasihat yang diberi oleh penasihat-penasihat ekonomi sama ada dalam Kerajaan, EPU, Perbendaharaan atau NEAC di mana Tun Daim Zainuddin ada kata bahawa apa yang mustahak ialah restore confidence, thats is the more important things - restore confidence. Dan jangan kita buat apa-apa, cakap apa-apa yang boleh menyebabkan confidence lebih satu masalah besar dan oleh kerana apabila beliau ucap ada bahagian yang benar mengenai virtual reality, mengenai era information technology di mana berbilion-bilion ringgit boleh di’transact’kan in the speed of light.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Timbalan Menteri bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada sebut berkenaan dengan kebuluran yang berlaku di Sabah, saya keluar dan bertanya dengan ahli-ahli dari Sabah dan juga pemberita berkenaan dengan perkara ini. ‘Kekurangan makanan’ dengan ‘kebuluran’ adalah dua perkara yang cukup berbeza, oleh kerana kekurangan makanan, maka Kerajaan Negeri Sabah menghantar makanan kepada 6,000 orang dan kekurangan makanan ini berlaku oleh kerana kebakaran dan juga ketiadaan air. Jadi bukan bermakna kebuluran oleh kerana tidak ada makanan, kita sudah pun hantar makanan. Jadi kebuluran dengan

kekurangan makanan adalah dua perkataan cukup banyak bezanya. Jadi, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat..

**Tuan Lim Kit Siang:** Beza daripada Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh kata ada perbezaannya, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi ke sana, menjadi orang yang jadi mangsa, tanya mereka adakah perbezaan, kalau tidak ada makanan atau apabila ada kekurangan makanan, itu 'kekurangan makanan' bukan 'kebuluran'.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen dari Sabah bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya itu boleh jawab nanti, oleh kerana saya .....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya datang ke sini, minta jalan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa perbezaan, tanya kepada mangsa apa perbezaannya, apakah perbezaan.....

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau dipaksa untuk tidak ada makanan yang pokok visit pun stuck.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, bila kita sebut 'kebuluran' bermakna kita tidak dapat menyelesaikan masalah ianya berlaku dalam satu jangkamasa yang panjang, tetapi oleh kerana kebakaran dan juga kekurangan air maka berlaku kekurangan makanan. Tetapi

telah dapat diselesaikan oleh kerajaan negeri dengan cepat, tetapi ianya tidak dapat diselesaikan misalnya yang berlaku di Korea Utara terpaksa Malaysia menghantar makanan, barulah kita boleh sebut. Ini oleh kerana dalam jangka masa yang pendek kekurangan makanan dan mungkin kebuluran itu dalam jangka masa yang pendek tetapi telah dapat kita atasi. Bermakna kerajaan telah dapat mengambil inisiatif daya usaha untuk mengatasi masalah ini, tetapi cara Yang Berhormat sebut tadi seolah-olah tidak buat apa langsung, jadi ini dua perkara yang berbeza.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan kita hendak buat apa langsung, sepatutnya tak patut membenarkan keadaan ini berlaku dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada pergi luar, untuk tanya berapa lama, mungkin sedikit. Berapa lama mungkin sedikit, bolehkah kita dapat tahu berapa lama masalah ini sudah wujud, beberapa minggu di tempat-tempat yang kedalaman bukan satu hari, dua hari dan itulah, tengok Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama tengok sahaja langit, tengok heaven, heaven sangat bless dia. Tetapi rakyat.....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun, beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... nanti-nanti, tanggungjawab rakyat ialah supaya kerajaan boleh membela nasib rakyat. Kenapa masalah ini timbul, kenapa tidak ada planning supaya tidak menimbulkan kekurangan makanan dan apabila kekurangan makanan, berturut-turut beberapa minggu tentu timbul masalah kebuluran.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak beri atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan kita main-main perkataan-perkataan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal sekali dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi dari Tanjong, seorang rakan yang begitu lama di dalam Parlimen, menggunakan platform, dengan izin, sebagai panggung untuk beliau menyatakan bahawa ini Kerajaan Barisan Nasional yang berada di negeri Sabah tidak bertanggungjawab untuk mengambil tindakan sudah berapa lama. Saya rasa Yang Berhormat harus menggunakan Dewan ini dengan cara yang baik, dengan fakta-fakta yang menyatakan bahawa kerajaan, malam semalam pun contohnya, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah menerangkan, menjelaskan langkah-langkah yang diambil untuk membantu rakyat yang memerlukan bantuan, keadaan ini berlaku oleh kerana tanah-tanah yang berada dahulu di Kota Marudu, di Papar, di Kota Belut, oleh kerana cuaca berubah, mereka tidak berupaya untuk menanam padi, mereka ini banyak bergantung untuk mendapat beras, padi-padi mereka dahulu self subsidy, dengan izin. Tetapi keadaan ini berubah oleh kerana keadaan cuaca yang begitu, dan kerajaan ini mengambil langkah I think you must get your fact right first, dengan izin. Jangan memberi tohmahan, sekarang ini langkah-langkah telah diambil, kalau kita cerita kekurangan makanan, banyak juga tempat-tempat di beberapa kawasan yang kekurangan makanan, tetapi hendak mencerita bahawa kebuluran berlaku is different fact I see that you are creating something disaster happening in Sabah, dengan izin, and you said you asked, you demand for emergency some sort like that, dengan izin, keadaan ini sebetulnya tidak berlaku, seteruk itu. Berlaku juga kekurangan makanan semasa pemerintahan PBS dahulu, ya rakan-rakan saya faham di Tuaran, di Kinabalu, di kawasan sendiri, di Semporna juga ada kekurangan makanan. Tetapi apakah langkah-langkah PBS di waktu itu, dalam keadaan kekurangan makanan yang ada pada hari ini, kerajaan .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tanjong bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** No, you give me a change. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, telah diberi peluang dengan saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan buat ucapan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *Bukan ucapan, menjelaskan.*

*Saya meminta kepada rakan dari Tanjong ini jangan menggunakan Dewan yang mulia ini sebagai panggung untuk beliau berlakon, menyatakan yang bukan benar, ia menyatakan bahawa ia tidak ada langkah, yang diambil oleh kerajaan negeri, dan saya berharap minta sedikit supaya get the fact right, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.*

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu, semalam Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah ada menyatakan mengenai langkah-langkah diambil, tetapi semalam sahaja, berapa lama masalah ini sudah wujud, tetapi Kerajaan Negeri Sabah tidak ambil apa-apa tindakan. Saya tak mahu beri jalan oleh kerana...

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Takut....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak takut, oleh kerana you putar belit.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Oh, bukan putar belit, you takut.

I am not .....

**Tuan Henrynus Amin:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Oh, pembangkang you beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Kinabalu bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Takut.

**Tuan Henrynus Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Tanjong. Kita telah dengar hujah-hujah

daripada Semporna tadi, seolah-olah menafikan bahawa ada masalah kekurangan makanan, yang bagi saya hampir ketahap kebuluran. Adakah masalah yang dihadapi di negeri Sabah di mana pada saat ini misalnya, Ahli Yang Berhormat dari Bandau sedangkan menjalankan satu program besar-besaran untuk mencari wang, membeli beras untuk dihantar di kawasan beliau, oleh kerana orang-orang kampung di sana menghadapi masalah tiada makanan.

*Saya ingin tanya juga kepada Tanjong bahawa masalah di kawasan Kinabalu beratus-ratus orang keluar ke pekan minta derma, jumpa Presiden PBS, minta sedekah, oleh kerana tidak ada makanan dan terpaksa ahli-ahli politik, khususnya dari PBS mencari jalan secara sendiri untuk memberi bantuan kecil-kecilan. Dan bantuan yang telah diumumkan oleh kerajaan di negeri Sabah sekarang baru bertindak, sedangkan masalah ini sudah berapa lama.*

Adakah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bersetuju bahawa sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah mula mencari makanan untuk orang-orang kampung, juga orang-orang kampung sudah mula keluar ke bandar untuk minta sedekah oleh kerana tidak ada makanan? Bukankah ini kita anggap sebagai satu masalah yang perlu dibangkitkan dalam Dewan ini, untuk pengetahuan semua, supaya kerajaan akan bertindak, dan bukan saja Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Persekutuan mengambil perhatian yang lebih tentang perkara ini. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu benar, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kalau ada masalah kekurangan makanan untuk sedikit masa sahaja mungkin ada kebuluran untuk masa sedikit sahaja. Tetapi di sini adalah masalah kekurangan makanan, dua minggu sekurang-kurangnya.....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, ada yang bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya minta penjelasan. Ini perbezaan.

**Tuan Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti.

**Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal:** Perbezaan 'kebuluran' dengan 'kekurangan'.

**Tuan Lim Kit Siang:** Di mana ada kekurangan makanan untuk sekurang-kurangnya dua minggu dan bolehkah kekurangan makanan pokok dua minggu dilihat sebagai bukan kebuluran. Kalau satu jam, kebuluran satu jam, dua minggu bukan kebuluran.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** [*Bangun*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti saya belum habis, dan saya rasa sikap ini sangat bertanggungjawab, sebab itu saya berdiri di sini cakap manis-manis, “bukanlah ada kebuluran bahawa Kerajaan Negeri Sabah sudah ambil segala tindakan semalam”.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** .....barulah

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Oleh kerana tindakan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti boleh jawab, nanti boleh jawab.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Minta jalan, minta jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Dia tidak beri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak bagi jalan, bahawa ambil tindakan semalam.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tindakan dah lama dah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Sungguhpun masalah ini sudah berlarutan dua minggu sekurang-kurangnya barulah diambil tindakan dan tak mahu mengaku ini satu masalah boleh disifat sebagai satu kebuluran.

Kita tahu kerajaan tak mahu akui, economy crisis pun tak mahu akui. Economy problem sahaja. Economy crisis tak mahu akui. Kita tahu bahawa semua orang radio televisyen.....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, dia bangun lagi.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, semua orang radio televisyen.....Yang Berhormat bertanggungjawab mengenai dasar maklumat. Sebenarnya dasar disinformation bukan information, kalau economy crisis tak mahu akui sebagai masalah ekonomi tentulah bukan kebuluran, kekurangan makanan sahaja dan itulah saya rasa ini kita mahu kutuk.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Minta jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita mahu Dewan yang mulia ini mengambil satu tindakan yang tegas bahawa masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kawasan pedalaman yang terlibat ialah masalah nasional. Masalah nasional dan bukan orang-orang berdiri di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, sekejap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak mahu orang berdiri di sini untuk mengecil-gecilkan penderitaan orang-orang Sabah sungguhpun di kawasan pedalaman.

Sungguhpun pedalaman, mereka ada hak, hak untuk dapat layanan yang sewajar dan sebab itu kita menyeru mengisytiharkan satu state of emergency, satu state of emergency, oh ya, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, wah dia makan 'shark sfin', dia makan 'shark sfin', dia mana apa itu makanan. Dia makan shark sfin, dia.....

**Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:**

*[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Tanjong, nak bagi jalan tak.

**Tuan Lim Kit Siang:** .....enjoy, luxury ini, wah apa? Itulah sikap. Itulah sikap saya sangat terperanjat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, nak bagi jalan tak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak mahu bagi jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tak mahu bagi jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Orang yang kekurangan makanan, orang yang menghadapi kebuluran, semua boleh senyum di sini main-main apa itu. Adakah di dalam Dewan yang mulia ini tidak boleh berprihatin mengenai masalah rakyat sungguhpun pedalaman di Sabah.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti. Saya mahu teruslah dan saya harap bahawa nanti balik search your conscience. Search your conscience penderitaan orang Sabah di pedalaman pun patut dilihat sebagai penderitaan rakyat Malaysia kita semua sendiri. Jangan oleh kerana kita ada rumah-rumah besar, ada rumah-rumah di luar negeri yang belum dijual, belum dijual untuk hantar balik, makan 'shark sfin' dan orang-orang yang lapar tak apa, tidak makan 'shark sfin'. [*Tepuk*] [*Ketawa*].

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, Menteri bangun pula Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya tak mahu bagi jalan. Mahu minta jalan dulu. Mahu minta jalan dulu. [*Ketawa*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dia minta Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, mahu minta jalan dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Nak bagi jalan tak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, okay. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Itulah mana dia tahu saya makan 'shark sfin'. Saya makan minyak sawit, mana 'shark sfin'. *[Ketawa]*. Itu bukan dia how do we say, mislead the Dewan. Sebab dia cakap saya makan 'shark sfin', mana saya makan 'shark sfin'. Dia tengok 'tahi' saya ada 'shark sfin' ke. *[Ketawa]*.

Saya minta macam mana Yang Berhormat dari Tanjong tahu saya makan 'shark sfin'. Dia tengok 'tahi' saya ke menunjukkan ada 'shark sfin'. *[Ketawa] [Tepuk]*.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, itulah cara, cara orang.....ya itu biasalah 'unparliamentary', biasa tak apa. Itulah cara orang semacam itu dan di sini oleh kerana memainkan dia rela menafikan dia tak pernah makan 'shark sfin'. Okaylah kita tengok rakyat percaya tak percaya.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** *[Bangun]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Timbalan Menteri, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti, saya harap dalam perkara ini kita ada satu sikap yang serius, masalah manusia, mereka manusia. Mereka manusia.....

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** *[Menyampuk]*.

**Dato' Seri Lim Keng Yaik:** Penjelasan, Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum habis, belum bagi, belum boleh. Saya belum bagi, saya belum bagi apa itu. Saya belum bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dia belum bagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tidak bagi tak apa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tapi dia.....

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** [*Menyampuk*].

**Tuan Lim Kit Siang:** .....apa perkataan yang beliau buat. Adakah 'Parliamentary' boleh diguna dalam *Hansard* bolehkah? tak boleh dan saya harap dalam perkara ini bahawa Kerajaan Barisan Nasional.

**Seorang Ahli:** Boleh masuk dalam *Hansard*kah?

**Tuan Lim Kit Siang:** .....boleh masuk mulut sendirilah, boleh masuk mulut sendiri.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti dan saya harap bahawa.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti. Saya harap bahawa dalam perkara ini masalah kekurangan makanan, masalah kebuluran yang dihadapi oleh penduduk-penduduk pedalaman satu minggu atau dua minggu diberi perhatian yang berat bukan sahaja oleh Kerajaan Negeri Sabah. Nampaknya tidak boleh bertindak dengan serta-merta oleh kerana untuk satu dua minggu barulah bertindak pengumuman semalam terlalu lewat. Dan bahawa ini patut dilihat sebagai masalah Kerajaan Barisan Nasional pun, okay.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, tadi Kinabalu pun ada kata, dia kata hingga

sampai ke tahap kebuluran. Jadi bermakna Kinabalu pun belum mengaku bahawa keadaan di Sabah ataupun di kawasan-kawasan berkenaan sampai ke tahap kebuluran dan beliau tadi mengatakan bahawa ini satu perkara nasional. Kalau perkara ini perkara nasional, kenapa DAP sebelum ini tidak bawa Private Members Bill untuk bincang perkara ini dalam Parlimen, tidak pernah bawa. Hari ini selepas Menteri Sabah bangkit dalam akhbar baru DAP bawa hari ini. Itupun dalam perbahasan. Kenapa tidak bawa dalam Private Members Bill, kalau ini benar-benar satu emergency untuk negara kita?

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana kita tahu hari ini akan timbul, kita bangkit hari ini. Itulah kita tahu, bukan macam Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bertanggungjawab dalam perkara ini. Bukan sahaja tidak mahu melayani perkara ini sebagai serius tetapi mahu main-mainkan sama ada ‘bulur’ tak ‘bulur’. Sebab itu tadi saya ada kata Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi ke pedalaman duduk seminggu, balik ke sini kata ‘bulur’ atau tak ‘bulur’. Masa itu kata ada menghadapi kebuluran atau tidak kebuluran saya mahu teruskan kerana saya ada lagi tajuk-tajuk yang lain, yang saya mahu.....

**Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Ada pertanyaan, minta tanya sikit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti Yang Berhormat boleh jawab melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri dan lain-lain. Dan di sini tadi saya ada sebut mengenai ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan memberikan gambaran bahawa nampaknya bukan sahaja kerajaan tidak mahu mengenyahkan denial syndrome nampaknya ada dengan izin, satu resurgent denial syndrome. Inilah tidak mahu mengakui bahawa ada kelemahan.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tanjong, Tuan bangun pula.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh, boleh. Suara rakyat.....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat dari Tanjong. Saya ingin bertanya sebelum Yang Berhormat dari Tanjong pergi ke perkara-perkara yang lain. Saya ingin bertanya adakah Tanjong sedar bahawa mangsa-mangsa ribut greg pun belum habis dibayar ex gratia payment dan inilah sebabnya kerajaan negeri tidak tahu apa mahu buat. Oleh kerana kerajaan negeri sekarang mencari wang macam ayam 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang', jadi seolah-olah tidak bermaya untuk menghadapinya. Jadi bukannya betul bahawa Kerajaan Persekutuan seharusnya campur tangan di dalam keadaan ini, memandangkan kerajaan negeri adalah Kerajaan Barisan Nasional. Adakah Yang Berhormat Tanjong setuju?

**Tuan Lim Kit Siang:** Memang setuju dan sebab itulah ada rakyat Sabah ada pandangan mereka dilayani nampaknya sebagai anak tiri. Di Malaysia, bahawa masalah-masalah dihadapi oleh rakyat Sabah tidak diberi pertimbangan yang sewajarnya. Inilah satu contoh dan berbalik kepada tajuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini International Monetary Fund (IMF) ada keluar satu laporan yang terbaharu ialah Work Economic Outlook 1998 di mana mengakui ada beberapa faktor yang menyebabkan krisis ekonomi, ada luaran, ada dalaman tetapi dalam beberapa faktor dalaman yang lebih serius dan dengan izin, laporan ini baharu dikeluarkan hari Isnin di Washington, yang ada memetik:

*“The economies of east Asia at the center of the recent crisis have been some of the more successful emerging market countries in terms of growth and gains in living standards. With generally prudent fiscal policies and higher private savings rates, these countries had become a model for many others. That this region might become embroiled in one*

*of the worst financial crises in the postwar period was hardly ever considered - within or outside the region - a realistic possibility. What went wrong? Part of the answer seems to be that these countries became victims of their own success. This success had led domestic and foreign investors to underestimate the countries' economic weaknesses. It had also, partly because of the large-scale financial inflows that it encouraged, increased the demands on policies and institutions, especially but not only in the financial sector; and policies and institutions had not kept pace. The fundamental policy shortcomings and their ramifications were fully revealed only as the crisis deepened. Past success may also have contributed to a tendency towards denial by policymakers of the need for action when problems first became apparent", dan itulah mustahak.*

Kita tidak boleh semua salahkan di luar. Apa-apa faktor dalaman lebih mustahak dan itu apapun pandangan orang ramai, tetapi kalau kita mahu teruskan denial sindrom tentulah khasnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sentimen di pasaran tentulah negatif, dalam dua hari dahulu selepas ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai virtual reality itu composite index KLSE jatuh iaitu 22.43 mata dan pagi ini jatuh lagi 22 mata. Tentulah ada faktor-faktor yang lain.

Selain daripada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengakibatkan satu pasaran yang begitu lembab semacam pasaran yang khuatir bahawa mungkin ada lagi 70 buah syarikat yang mungkin akan menghadapi liquidation selepas Wembley Industries Holding, selepas SCK Group Berhad dan Bestcorp Industries Berhad yang sudah menghadapi liquidation proceeding. Tetapi rakyat Malaysia ada hak untuk mahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selepas apa yang berlaku tahun lalu di mana beberapa ucapan beliau mengakibatkan kejatuhan keyakinan sama ada pasaran saham

atau mata wang bahawa dia lebih berjaga-jaga dalam ucapan beliau dan tidak undo, dengan izin, segala usaha-usaha yang sedang dibuat oleh kerajaan untuk mengembalikan keyakinan dan sebab itu saya haraplah bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan lebih berjaga-jaga dalam perkara ini supaya ucapan beliau tidak menimbulkan sentimen-sentimen yang negatif di masa sekarang di mana apa yang mustahak ialah untuk mengembalikan keyakinan.

Di sini saya rasa kerajaan perlu ada satu respond kepada laporan IMF mengenai peranan hedge funds dalam mengakibatkan krisis ekonomi Asia. Oleh kerana kerajaan Malaysia, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah menyalahkan hedge funds di dalam beberapa ucapan beliau pada tahun lalu dan kerajaan ada meminta IMF membuat satu siasatan mengenai peranan hedge funds yang mengakibatkan ekonomi krisis.

Dalam laporan yang dikeluarkan oleh pada IMF hari Isnin adalah satu summary mengenai siasatan mereka, mengenai sama ada hedge funds adalah bertanggungjawab, boleh diletakkan sebagai faktor utama dalam ekonomi krisis dan kita tahu bahawa kesimpulan-kesimpulan IMF ialah bahawa tidak ada bukti yang dengan izin, compelling evidence bahawa hedge funds ialah bertanggungjawab yang utama mengakibatkan mata wang-mata wang di beberapa negara di Asia untuk terjunam. Mengikut laporan ini kita lihat IMF ada buat anggaran hedge funds, modal hedge funds itu (tidak termasuk 'funds of funds' atau hedge funds yang digunakan untuk melaburkan dalam hedge funds lain sahaja) adalah antara mungkin dekat US\$100 bilion dalam quarter yang ketiga tahun 1997. Antara angka ini US\$25 bilion dalam apa yang disifatkan sebagai macro funds, dengan izin, which typically leverage their capital by borrowing by four to seven times. Sungguhpun angka ini besar US\$100 bilion tetapi ia sangat kecil apabila dibanding dengan pelabur-pelabur institutional yang lain seperti pension funds, mutual funds, insurance companies and commercial banks, dan semua ini mereka, dengan izin, in the mature

market alone, exceeds US20 trillion. Semua institutional investors inipun sangat giat, aktif dalam pasaran-pasaran antarabangsa. Sebab itu apa respond Kerajaan Malaysia kepada laporan siasatan IMF ini yang dibuat selepas permintaan Kerajaan Malaysia bahawa siasat peranan hedge funds dalam krisis ekonomi dan apa kesimpulan.....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh beri jalan sedikit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti habis ini boleh beri jalan.

Apa kesimpulan dibuat di sini ialah, dengan izin;

*“The most important action policymakers can take to protect their economies against uncomfortable market movements is to avoid offering one-way bets in the form of inconsistent policies and insupportable currency pegs. They can also strengthen the ability of clearance, settlement, and payment systems to withstand asset-price volatility. And they can provide better information about government policy and private sector financial conditions in order to weaken the tendency for inadequately informed investors to ‘follow the herd’ and thereby magnify the repercussions of the positions taken by large institutional investors, among which hedge funds are only one category”.*

Dan IMF, kesimpulan ialah bahawa *“macro funds aren’t the only ones playing that game. Multinational firms also routinely take positions in these markets to protect their large reserves of capital, so what the hedge funds do isn’t all that extraordinary except for their more relentless pursuit of profits”.*

Kesimpulan dalam perkara ini ialah kita jangan mahu mencari satu faktor yang menyalahkan segala krisis dalam faktor ini hedge funds. Oleh kerana kalau kita buat begitu, kita masih belum keluar daripada denial syndrome sungguhpun dalam bulan ke-10 krisis ekonomi dan apa yang bahaya ialah negara-negara lain lebih mengadakan reformasi ekonomi, kewangan dan

politik dan mereka boleh memulihkan lebih cepat nanti. Tetapi sungguhpun apabila kita banding dengan Thailand dan South Korea tidak begitu dahsyat, teruk apabila banding dengan mereka tetapi oleh kerana keengganan kita untuk ambil tindakan yang radikal supaya ada perubahan, reformasi, ekonomi, kewangan dan politik, mungkin kita akan tinggal di belakang dan itulah sangat mustahak.

Di sini saya mahu sebut mengenai ....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh beri jalan sedikit, sudah janji tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya lihat wakil Tanjong selalu menyalahkan kita sahaja. Apa yang kerajaan cadang dan apa yang kerajaan buat semuanya tidak betul. Beliau hanya memuji-muji IMF.

Tahukah beliau sebenarnya apapun yang telah berlaku memang IMF telah tidak memainkan peranan yang berkesan di dalam usaha untuk memulihkan semula ekonomi Asia seperti yang selalu dilaung-laungkan. Sedangkan dalam mesyuarat ASEM sendiri antara pemimpin-pemimpin Asia dan Eropah di London baru-baru ini, buat kali pertama negara Eropah telah menerima pandangan daripada Malaysia yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa perniagaan mata wang adalah merupakan satu faktor besar yang telah menyebabkan krisis ekonomi yang berlaku di rantau Asia.

Kita berasa kecewa kerana walaupun ini diakui oleh IMF tetapi tidak ada satu tindakan pun yang dibuat untuk mengadakan satu peraturan supaya perniagaan wang ini diadakan satu undang-undang yang wajar seperti perniagaan bursa saham misalnya supaya tidak ada orang yang boleh menggunakan kuasa mereka kerana ada duit berbilion ataupun trilion untuk menekan negara-negara yang membangun seperti Malaysia dan kita sewajarnya memberikan pandangan, apakah yang patut dilakukan oleh IMF. Selain daripada kita mencadangkan perkara yang boleh dilakukan tetapi kita juga harus memberi idea-idea yang bernas, apakah yang patut dibuat oleh kuasa-kuasa besar, apakah yang patut dibuat oleh IMF misalnya, bukan hanya kita menyalahkan apa yang telah dibuat oleh negara kita, pemimpin kita sahaja sedangkan Perdana Menteri lain, katakanlah kita kata Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selalu menyatakan bahawa perdagangan mata wang ini satu cara yang tidak baik yang sedang berlaku dalam ekonomi dunia pada masa kini, tetapi Perdana Menteri yang lain pun tidak berkata apa-apa, tetapi ekonomi mereka pun tidak pulih bahkan lebih teruk daripada ekonomi kita. Kerana itulah kunci kepada permasalahan sekarang adalah kerana berdagang mata wang itu masih lagi berlaku sedangkan inilah dia culpritnya, inilah dia masalah yang utama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, tak faham Peraturan Mesyuarat pun.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, kerana itu saya hendak minta apakah cadangan dari DAP menasihati IMF supaya kembalikan semula kebaikan ekonomi di rantau kita, bukan hanya menyalahkan kita sahaja. Kenapa hendak puji sangat kepada IMF?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, okay, saya tak hairan!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya hendak bertanya apa IMF telah beri kepada DAP?

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, saya tak hairan!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya hendak bertanya apakah cadangan untuk IMF supaya mereka boleh bantu kembalikan semula krisis ekonomi di Asia? Kunci yang utamanya ialah disebabkan perdagangan mata wang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Ini tidak ada idea lain, hanya menekan kita sahaja, orang lain semua baik, oleh itu kita harus bersyukur.

**Tuan Lim Kit Siang:** Records needle stuck! Minta penjelasan, bukan ucapan. Kalau tak faham Peraturan Mesyuarat ...

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya hanya menjelaskan .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, cukup!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** ..... supaya IMF diberi juga pandangan dan nasihat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ulang-ulang lagi, hanya ulang sahaja! Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi ada minta penjelasan tetapi bukan dia tidak buat penjelasan, dia buat ucapan. Dia tak faham Peraturan Mesyuarat, saya tak hairan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham! Saya beri penjelasan kepada wakil dari Tanjong....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak hairan oleh kerana dalam benda-benda yang dia kemukakan ....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** ..... supaya buat cadangan-cadangan yang lebih baik untuk IMF lakukan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, melanggar Peraturan Mesyuarat, saya berucap, dia mahu kacau dan lagi tak faham Peraturan Mesyuarat. I hold the floor, saya berucap, jangan ganggu!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Bukan tak faham, Tanjong!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ganggu ialah pengacau sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya lihat pun bila orang lain berucap, Tanjong pun berdiri juga.

**Tuan Lim Kit Siang:** Beliau mahu jadi pengacau. [*Ketawa*]

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya bukan pengacau, saya hendak beri penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak faham Peraturan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, minta duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Apabila saya apabila mendengar apa Yang Berhormat Timbalan Menteri tanya tadi, sangat jelas dia tak faham, apa yang dia bincang. Dia kata mengenai bertrillion-trilion dolar yang masuk pasaran saham, pasaran saham ialah pasaran saham, kita cakap mengenai mata wang dan itulah lebih baik pihak .....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Kalau begitu, boleh saya jelaskan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak bagi, tidak bagi....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Pasaran saham ada peraturan, berniaga mata wang sekarang tiada pasaran, jadi kita minta adakan peraturan mata wang apabila didagangkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan tunjuk kejahilan, kita bincang mengenai mata wang, Yang Berhormat cakap mengenai pasaran saham, itu pun tidak faham....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Bolehkah saya jelaskan? Tuan Yang di-Pertua, beri saya jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Pengangkutan boleh buat semacam ini, ekonomi finance tidak boleh buat begini, boleh tukar mata wang ke pasaran saham, mana boleh. Sebab itu tidak faham jangan cakap.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak terima tuduhan mengatakan saya tidak faham, saya hendak terangkan. Kalau gentleman beri chance saya terangkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri chance oleh kerana.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan.....Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... tetapi boleh dapat taklimat mengenai masalah kewangan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay! Di sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahu memulihkan keyakinan dalam pasaran kita sangat mustahak bahawa segala tindakan kerajaan tidak menjejaskan keyakinan ini. Kerajaan kata tidak ada bail-out, tidak ada corporate restructuring tetapi apa kita lihat dalam *Asia Wall Street* hari ini mengenai MAS.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak beri jalan, tidak beri jalan...

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya hendak tanya apa cadangan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** You ada apa hak untuk tanya? Tak ada hak, tidak faham Peraturan Mesyuarat. *[Disampuk]* Langsung tidak ada hak. Ini mustahak oleh kerana sebab hari ini pasaran saham jatuh ialah oleh kerana lagi satu laporan yang menunjukkan bahawa sungguhpun kerajaan kata tidak ada bail-out, tidak ada corporate restructuring dan masa ini, satu demi satu yang wujud ....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dia tidak mahu beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bukan pengangkutan. Sungguhpun kita bincang mengenai corporate MAS, bukan mengenai kapal terbang dan ini mustahak, kita bincang bagaimana menangani keyakinan balik tetapi di sini, dengan izin, just a short one:

“ In a complex plan, in a plan let it to vigorously rich in night the controversy of a shareholder rights in Malaysia, the controlling shareholder of Malaysian Airline System is proposing a restructuring.

In a complex plan, Tan Sri Tahuddin Ramli, essentially is proposing to borrow against a carrier aircraft to raise fund that will be used to settle personal debts. The plan is notable for its innovation and under the plan, Tan Sri Tajuddin who is MAS Executive Chairman and controlling shareholder proposes to sell MAS aircraft to a new company to be called MAS Capital which he will ultimately control. MAS Capital will then lease the aircraft back to MAS. The new company will be incorporated in the financial centre of

Labuan, near Borneo to take advantage of tax incentive according to people familiar with the plan.

Sungguhpun ini dalam tangan Kementerian Kewangan atau Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk membuat keputusan untuk benar atau tidak benar, untuk beri kelulusan atau tidak beri kelulusan, ini sudah dilihat oleh pasaran sebagai satu lagi bail-out semacam UEM-Renong, macam MISC-perkapalan. Inilah saya rasa kerajaan patut ambil perhatian yang berat bahawa kalau kita serius untuk pulih keyakinan, jangan kita ada bail-out, apa cara bentuk.

Semalam ada satu kenyataan yang diberi kepada KLSE oleh EKTRAN.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Minta penjelasan. Apakah yang dimaksudkan dengan 'bail-out', sepertimana yang disebutkan dalam akhbar tadi. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang sebenarnya 'bail-out' bermaknanya digunakan dana-dana tempatan untuk mem'bail-out', tetapi ini digunakan dana-dana luar pesisir. Ini tidak menggunakan dana tempatan tetapi financial restructuring. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Financial Restructuring at the expend of the minority shareholder - at the expend of the minority shareholder semacam UEM-Renong. Financial restructuring at the expend of minority shareholder untuk kepentingan bukan shareholder minority tetapi kepentingan the main shareholder, dan itulah bail-out. Bail-out at the expense of the minority shareholder.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Setakat ini belum ada dijelaskan bahawa sama ada tawaran umum akan dibuat atau tidak, kepada minority shareholder?

**Tuan Lim Kit Siang:** UEM-Renong contoh yang baik, UEM satu contoh, satu classic case.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, ini andaian, andaian seolah-olah akan dibuat secara mana UEM yang diandaikan. Tetapi ini yang dibuat oleh MAS tidak langsung menyebut mengenai tawaran kepada minority shareholder lagi, belum lagi disebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengakui UEM-Renong satu bail-out at the expense of minority shareholder, adakah?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Kita bincang mengenai MAS, saya minta penjelasan mengenai MAS, .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, inilah bersangkut-paut, ini sama ....

**Dato' Azmi bin Khalid:** ....Jangan dikaitkan dengan perkara lain. Kalau Yang Berhormat tak sedar, tak faham, cakap tak faham antara financial bail-out dengan financial restructuring.

**Tuan Lim Kit Siang:** Financial bail-out melalui financial restructuring at the expense of the minority shareholder ialah bail-out.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Belum disebutkan lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Semacam contoh UEM-Renong.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tidak, Yang Berhormat, you are jumping the gun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat bersetuju? UEM-Renong satu cara bail-out at the expense of minority shareholder, sebab itu KLSE jatuh, kalau tidak, kenapa KLSE jatuh? Boleh lari daripada hakikat itu? Dan itulah sungguhpun sama ada approve atau tak approve, itu benar. Sebab itu saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan akan mengikut jaminan yang beliau buat, tidak ada bail-out dan tidak ada corporate restructuring.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, nanti. Tidak ada corporate restructuring, oleh kerana kita tahu corporate restructuring ialah selalu dibuat oleh beberapa syarikat untuk bail-out majority shareholder- at the expense of the minority shareholder, itulah. Baik, silakan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya hendak tanya dalam akhbar, dalam laporan hari ini, adakah telah disebutkan mengenai general offer to the minority shareholders. Ini saya hendak tanya kalau tidak ada, sebut tidak ada.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tidak mahu tunggu sehingga kuda sudah lari daripada stable, oleh kerana banyak kuda sudah lari,....

**Dato' Azmi bin Khalid:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kuda sudah lari, tak apa, kita tidak mahu lagi satu kuda lari.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Penjelasan. Saya hendak tanya yes or no, kalau jawab no, jawab no, itu sahaja jangan bawa 'side-track'kan kepada benda-benda yang diandaikan, your imagining things.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah kejatuhan pasaran saham ini, imagining things 22 point, imagining things, atau adakah ini oleh kerana semua faktor luaran tidak sangkut paut dengan apa yang berlaku dalam corporate world, khususnya hari ini MAS.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya hendak tanya, adakah kejatuhan semata-mata kerana ada MAS, atau kerana sebab-sebab lain yang berkait dengan NCR, Wembley dan sebagainya. Dari segi MAS tidak ada disebutkan lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sudah jatuh, beberapa hari dahulu sudah jatuh, hari ini bukan Wembley, hari ini ialah oleh kerana MAS. Itulah saya harap, ini kira serius oleh kerana kita mahu menyelamatkan negara, kita tidak mahu menyelamatkan Tajuddin Ramli, Halim Saad atau sesiapa, Mirzan Mahathir, kita mahu menyelamatkan negara, kita mahu menyelamatkan ekonomi kita, sebab itu saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan ikut seminar dibuat tidak ada corporate restructuring, tidak ada bail out, sama ada EKCRAN. Laporan bahawa mungkin EKCRAN ada satu lagi bail out. Siapa bail out EKCRAN kita tidak tahu. Kalau pasaran bahawa sungguhpun ada laporan dibuat kepada KLSE, bahawa Ting Pek Khiing akan menjualkan segala 'stake'nya 50.7% dalam EKCRAN kepada seseorang yang lain, apa harganya, kalau harga bukan mengikut apa yang dilihat sebagai pasaran sekarang, lagi satu bail out, dan tentu lagi pasaran saham akan sangat negatively.

Di sini saya harap pun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam masa menggulung boleh memberi satu laporan mengenai apa kedudukan dalam perbincangan mengenai pampasan kepada Ting Pek Khiing, di mana beliau ada menuntut RM700 juta sebagai pampasan dan adakah benar mengikut laporan bahawa rancangan Bakun akan dihidup semula 'revive'. Adakah ini di peringkat sudah dimana rancangan Bakun akan dapat dihidup semula dan apa kedudukan mengenai Sime Bank yang dilaporkan perlu RM2 bilion, dan ini adalah antara sebab lain kenapa sampai sekarang lagi satu delay mengenai pengumuman cara Rashid Hussein ambil alih Sime Bank dan kita mahu satu keterangan penglibatan EPF (KWSP) dalam perkara ini, sama ada ambil ekuiti dalam Rashid Hussein atau sebagai pinjaman. Adakah benar bahawa apa yang ditimbangkan oleh KLSE sekarang adalah satu pinjaman kepada Rashid Hussein, adakah ini wajar? Apakah sama ada interest begitu rendah kepada Khazanah semacam apa yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, satu pinjaman 8.75% untuk RM2 bilion, kalau saya tidak silap. 8.75% pasaran 14% dan adakah benar akhirnya modal yang akan disuntikkan dalam ambil alih Sime Bank oleh Rashid Hussein ialah Petronas. Akhirnya ialah Petronas, lagi satu bail out. Bail out, cara-cara bentuk-bentuk yang lain sahaja, dan saya harap kita dapat keterangan dalam semua perkara ini dan sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Batang Sadong.

**6.05 ptg.**

**Cik Sukinam Domo [Batang Sadong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998. Dalam perbahasan ini, saya ingin menjuruskan kepada Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 14 April yang lalu, saya dan mungkin warga pendidikan bahkan rakyat biasa yang prihatin tentang pendidikan amat terkejut sekali apabila membaca akhbar *Berita Harian*. Pada muka surat 24, terpampang tajuk berita “Matnor diminta lepas jawatan”. Warga pendidikan terkejut dengan berita tersebut, khususnya warga pendidikan di Sarawak. Ekoran daripada berita tersebut timbullah berbagai pertanyaan, berbagai persoalan, berbagai andaian yang rata-rata tidak percaya dengan apa yang mereka baca dan bertanya ‘mengapa’. Apakah kesalahan Yang Berbahagia Datuk Matnor? Mengapa kementerian berbuat demikian, yang dianggap unprecedented, dengan izin, yang dianggap tidak profesional dan unethical, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya selaku bekas Pegawai Kanan, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, dan yang pernah bertugas dengan beliau, Yang Berbahagia Datuk Matnor, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia sekarang adalah seorang pegawai yang intelligent, dengan izin, dedicated, amat profesional, pemimpin yang berkesan dan mempunyai rekod prestasi perkhidmatan yang cemerlang. Selama menjadi Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, saya merasakan bahawa beliau amat profesional, adil, tidak dipengaruhi atau dibelenggu oleh emosi. Kalaulah dia tidak profesional, dan kalaulah dia bertindak mengikut emosi, sudah tentulah Sarawak negeri asalnya yang memang amat memerlukan bantuan dan pembangunan akan menerima banyak favour, dengan izin, tetapi ini tidak berlaku kerana beliau tidak mengambil kesempatan atas kedudukan dan jawatannya, bahkan bukti yang amat jelas tentang kecemerlangan kepimpinan Yang Berbahagia Datuk Matnor ialah apabila Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri mengumumkan bahawa keputusan SPM tahun lalu adalah yang paling cemerlang dalam sejarah pendidikan di Malaysia. Kalaulah kepimpinan Yang Berbahagia Datuk Matnor lemah, tidak berkesan, sudah tentu perkara sebaliknya akan berlaku. Jadi, Tuan

Yang di-Pertua, mengapakah rekod perkhidmatan seseorang pegawai yang begitu cemerlang dicemari dengan tindakan kementerian itu.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada berita tersebut telah dibincangkan dan dimuatkan dalam beberapa akhbar, andaian-andaian akan alasan-alasan mengapa Yang Berbahagia Datuk Matnor diminta melepaskan jawatannya lebih awal. Antaranya adalah kononnya untuk memberi laluan atau peluang kepada Timbalan Ketua Penolong Pengarah Malaysia I yang sekarang ini menjawat jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia sebelum Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia I bersara. Kononnya juga Yang Berbahagia Datuk Matnor telah bersetuju akan melepaskan jawatannya lebih awal sebelum tarikh persaraan semasa beliau dilantik menjadi Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dulu. Kemudian, Yang Berhormat Menteri dalam sidang akhbarinya memberitahu:-

- (i) bahawa Datuk Matnor telah bersetuju menerima syarat perlantikan beliau dahulu iaitu akan melepaskan jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia lebih awal iaitu sebelum persaraan;
- (ii) Menteri Pendidikan mengatakan ‘perkara meminta seseorang melepaskan jawatannya lebih awal daripada tarikh persaraan adalah perkara biasa yang berlaku dalam Perkhidmatan Awam’;
- (iii) Yang Berhormat Menteri menyatakan, kerajaan boleh berbuat apa-apa tindakan atau keputusan tanpa perlu memberi apa-apa penjelasan;
- (iv) Yang Berhormat Menteri menyatakan Yang Berbahagia Datuk Matnor akan dilantik ke jawatan khas yang sama gred.

Tuan Yang di-Pertua, warga pendidikan khususnya di Sarawak tidak berpuas hati dengan penjelasan tersebut. Amatlah menghairankan bagaimana

seorang yang intelligent, yang berprinsip, yang profesional seperti Yang Berbahagia Datuk Matnor sanggup bersetuju dengan syarat perlantikan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Ianya menunjukkan seolah-olah Yang Berbahagia Datuk Matnor begitu desperate, dengan izin, untuk menjawat jawatan KPPM.

Bagi penjelasan yang kedua, kalau memang benar perkara begini pernah berlaku dalam perkhidmatan awam, saya meminta kementerian memberikan contoh atau menamakan kes-kes tersebut.

Bagi penjelasan yang ketiga, seolah-olah kerajaan tidak telus tidak transparent, dengan izin, padahal kerajaan telah melaung-laungkan supaya kita semua telus dalam apa jua tindak tanduk kita.

Bagi penjelasan yang keempat pula, ini tidak penting dan tidak berkaitan dengan isu yang timbul sama ada Yang Berbahagia Datuk Matnor akan diberikan jawatan lain yang sama gred, tidak penting. Isunya bukan apakah jawatan khas beliau. Isunya mengapa beliau diberhentikan lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya datang ke Parlimen petang ini, setelah menghubungi dan dihubungi oleh pelbagai pihak, semuanya meluahkan rasa tidak puas hati, seolah-olah berlaku ketidakadilan. Semangat atau morale bukan moral, morale warga pendidikan dari kalangan guru sehinggalah ke staf bukan guru amat rendah sehari dua ini dan akan berterusan sekiranya penjelasan yang benar-benar profesional tidak dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, demi perpaduan, demi keadilan dan atas dasar profesionalisme dan demi kepentingan pendidikan, saya dan warga pendidikan dan rakyat Sarawak khususnya memohon Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Pusat bersikap dan bersifat telus. Kami memohon penjelasan yang telus dan ikhlas yang profesional kerana jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia adalah jawatan profesional bukan jawatan politikal. Kalau prestasi Yang Berbahagia Datuk Matnor amat cemerlang, tidak ada kes disiplin, tidak

ada buruk laku seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri, mengapa tidak dibiarkan Yang Berbahagia Datuk Matnor meneruskan perkhidmatan dalam jawatan sekarang sehingga sampai tempoh persaraan beliau yang hanya tinggal enam bulan sahaja lagi. Dan kalau ditolak cuti sebelum persaraan, tempoh perkhidmatan beliau mungkin hanya tinggal tiga bulan sahaja lagi.

Mengapa dicemari prestasi cemerlang seseorang pegawai yang telah berkhidmat begitu lama, begitu taat dengan Kementerian Pendidikan dengan insiden begini?

Tuan Yang di-Pertua, mungkin pihak kementerian dan rakan-rakan di Semenanjung mengatakan saya dan rakan-rakan di Sarawak emosional, tidak rasional dan regionalistic, dengan izin, kerana Yang Berbahagia Datuk Matnor anak Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat lari dari perasaan kedaerahan. Pada zahirnya kami nampak emosional. Kami memang berbangga apabila seorang anak Sarawak dilantik menjawat jawatan yang sebegitu tinggi dan penting. Ini merupakan satu sejarah. Kami menganggap ianya sebagai suatu pengiktirafan kepada keupayaan dan kewibawaan anak Sarawak dan kami amat berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana memberi kepercayaan kepada anak Sarawak menjawat jawatan tersebut.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kami juga amat profesional, kami juga akan bersuara kalau perkara begini berulang lagi walaupun penjawatnya bukan anak Sarawak. Keadilan dan profesionalisme perlu dipertegapkan, jadi kami berharap benar-benar. Saya berucap di sini mewakili guru Sarawak kerana mereka meminta saya mungkin boleh menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, kami benar-benar berharap mendapat penjelasan yang profesional daripada kementerian dan Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Bintulu.

**6.15 ptg.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai keadaan jalan Tanjung Kidurong, Bintulu, Sarawak. Jalan sepanjang 15 kilometer ialah satu-satunya jalan utama menghubungkan bandar Bintulu dan pekan Tanjung Kidurong. Sepanjang jalan empat lorong ini iaitu dua lorong pergi dan dua lorong balik terdapat dua stadium sukan olahraga, kelab golf, beribu unit rumah untuk staf MLGABF Pelabuhan Bintulu, SMDS, PDS, SESCO dan kawasan perumahan swasta yang lain. Sebuah sekolah menengah, sebuah sekolah rendah, sekolah vokasional, kawasan kilang industri berat untuk kilang kayu lapis, kilang membuat gam, kilang membuat kertas pasir dan sebagainya. Di Tanjung Kidurong pula terdapat loji gas petroleum MLGABF Pelabuhan Bintulu SMDS, SESCO, BCOT, loji penyimpanan minyak sawit dan berbagai kemudahan perdagangan yang lain.

Lebih kurang pada 17 tahun lalu, jalan ini memenuhi maksudnya sewaktu dibina ia adalah satu-satunya jalan yang baik di Bintulu dan menjadi kebanggaan penduduk. Waktu itu jalan sangat luas, rata dan mudah dipandu, benar-benar sebatang jalan kelas satu. Tetapi pada hari ini keadaan jalan tersebut tidak seperti dahulu. Kalau Tanjung Kidurong ini sudah menjadi jalan paling sibuk sejak Bintulu rancak membangun. Di samping dipenuhi dengan kereta-kereta salon yang bergerak setiap hari, kita dapati bas, lori, tanker, trailer yang membawa dan memunggah muatan berat dari dan ke Pelabuhan Laut Dalam Bintulu. Kren besar dengan kapasiti sehingga 100 tan untuk mengangkut peralatan di loji gas, petroleum dan lain-lain.

Tidak hairanlah selepas digunakan begitu lama maka keadaan jalan telah bertukar lebih teruk. Pada hari ini jika kita memandu kenderaan atas jalan ini mendapati kasar, berlubang dan bumping seperti menunggang atas roller coaster dan di tempat-tempat tertentu, berayun dari kiri ke kanan. Ini sangat merbahaya dan tidak sesuai untuk kereta salon tetapi merbahaya juga kepada lori dan trailer yang membawa barang-barang yang membumbung tinggi dan panjang yang boleh menyebabkan berbuai dan jatuh pada bila-bila masa.

Sejak 15 tahun dahulu, jalan ini tidak pernah diturap kecuali kerja-kerja pembaikan kecil sahaja seperti menambus lubang dan membaiki sedikit di sana-sini, berbanding dengan jalan Klang Lama, jalan di sana lebih teruk lagi. Apa yang lebih teruk lagi pun ialah di bahagian hulu, hujung jalan ini di mana rumput panjang tumbuh, di tepi jalan dan di bahagian tengah jalan masih belum dipotong. Rumput itu setinggi tiga sampai empat kaki.

Hanya dalam tempoh beberapa hari lalu tiga kemalangan telah berlaku di simpang jalan ini Sungai Pelan. Kereta Volvo yang digunakan untuk membawa Pelan Manager MLNG telah dirempuh oleh kereta lain yang membuat pusingan di simpang jalan yang ditenggelami rumput panjang menyebabkan kenderaan yang lalu tidak kelihatan. Kereta itu hampir remuk. Nasib baik Pelan Manager tidak menaiki kereta tersebut, dan pemandunya terselamat.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat ramai pegawai asing yang bekerja dengan industri gas dan minyak datang ke Bintulu, mereka mesti melalui jalan ini dari lapangan terbang dengan keadaan jalan yang teruk dan rumput panjang saya rasa sungguh memalukan. Apa yang kita boleh saksikan bahawa jalan ini sangat penting dan dipenuhi dengan kegiatan business industri dan ekonomi yang menjadi jalan mencari pendapatan. Jika semua jalan dalam Sarawak dan Sabah dihimpunkan untuk mengetahui yang manakah sebatang jalan yang paling membuat wang untuk perbendaharaan negara, inilah jalan rayanya. Kerana di sinilah terletaknya loji MLNG dan jalan ini menjadi nadi ke loji-loji

yang ada. Sebab inilah mengapa para pengguna jalan sangat merungut apabila mereka mengetahui bahawa jalan ini membawa begitu banyak wang untuk Kerajaan Persekutuan, tetapi apabila mereka meminta lebih peruntukan bagi membuat jalan yang lebih baik, nampaknya Kerajaan Persekutuan memekakkan telinga.

Saya juga mendapati bahawa di sepanjang jalan ini perlu dibuat banyak tempat pusing atau pembelok yang wajar dan berstandard, seperti dekat Kilang Taiken untuk masuk ke taman-taman perumahan terutama jalan masuk ke skim penempatan semula dekat Sungai Pelan. Kalau tidak, penduduk-penduduk terpaksa berjalan jauh untuk membuat pusingan dan memasuki ke taman perumahan. Laluan sementara belok ke kanan yang ada sekarang memang berguna, tetapi ianya berlubang dan tidak diturap, hanya untuk kegunaan sementara. Terdapat banyak kes di mana trak dan kenderaan lain menyeberangi pembahagi jalan semata-mata untuk membuat pusingan atau pembelok ini berbahaya. Oleh itu, peruntukan hendaklah disediakan bagi mengatasi masalah ini

Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu lagi jalan utama di Bintulu juga menjadi nadi utama Bintulu, ialah Jalan Bintulu-Miri yang merentang dari bandar Bintulu ke Miri. Jalan ini perlukan perhatian, ia perlu dinaik taraf, diturap, memandangkan bilangan lalu lintas yang menggunakan jalan ini semakin bertambah, terutama tanker membawa minyak sawit dan trak membawa kayu bergergaji yang menuju ke arah pelabuhan laut dalam Tanjong Kidurong untuk dieksport ke negara lain. Bahagian jalan yang amat memerlukan perhatian dan tindakan segera ialah bahagian permulaan dari Batu Satu hingga Batu Enam, Jalan Bintulu-Miri. Jalan ini telah dibina pada 20 tahun lalu dan tidak pernah diturap semula, kecuali ditampal dan ditambus mana-mana bahagian yang berlubang dan rosak. Semasa musim hujan kita boleh menyaksikan air bertakung di atas jalan raya terutama di depan Sekolah

Menengah Kerajaan Bintulu. Bila kenderaan-kenderaan lalu di situ, air akan terpercik dan menyimbahi pelajar-pelajar yang berjalan di tepi pada setiap hari. Terdapat juga di bahagian jalan sana yang diturap berlebihan tar, dan ini menjadikan jalan tersebut licin macam cermin. Ketika hujan ia sangat membahayakan kenderaan yang lalu di situ. Banyak kemalangan berlaku di sana, kereta-kereta seolah-olah menggelunsur dari satu bahagian jalan ke bahagian lain apabila terjadi kemalangan di musim hujan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu jambatan lama Sungai Sebiu, Kampung Baru Bintulu. Sebelum terbinanya jambatan konkrit menyeberangi Sungai Sebiu, jambatan lama Sungai Sebiu ini telah banyak berjasa kepada penduduk Bintulu, khususnya Kampung Baru dan sekitarnya. Dahulu ianya dibuka untuk semua jenis kenderaan termasuk pejalan kaki menggunakan lorong masing-masing. Sekarang ianya hanya dibuka untuk laluan motosikal dan pejalan kaki sahaja. Namun begitu, sejak akhir-akhir ini keadaan jambatan tersebut perlu perhatian dan tindakan segera. Masalahnya papan lantai lorong motosikal banyak yang rosak atau berlubang. Ini menyebabkan tayar motosikal dan basikal terlekat menyebabkan penunggang rebah. Pernah kejadian kemalangan di atas jambatan tersebut berlaku terutamanya waktu.....

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini ialah peringkat Majlis, iaitu peringkat dasar, bukan peringkat Jawatankuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, Yang Berhormat, perbincangan dasar sekarang.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Ya, ini dasar mengenai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kita ada butiran kepala-kepala di sini yang perlu dibahaskan. Nanti Yang Berhormat akan bahaskan berkaitan dengan jalan-jalan bila kita tiba Kementerian Kerja Raya. Kita ada kepala-kepala perbahasan.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak ada di dalam tiap-tiap maksud pembangunan ataupun mengurus, maka sekarang dasarlah saya mengemukakan masalah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Minta cara pendekkan sahaja, Yang Berhormat, secara ringkas. Kita tidak ada banyak masa perbahasan.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Ya, tidak banyak lagi, sedikit sahaja. Kemalangan di atas jambatan tersebut berlaku terutamanya waktu hujan dan malam. Begitu juga dengan lorong pejalan kaki, lantai papan banyak yang sudah tanggal, ini amat merbahaya. Sudahlah keadaan jambatan begini, terdapat sebilangan pelajar-pelajar dari dua buah sekolah di sini yang tidak menggunakan lorong pejalan kaki, bila balik dari sekolah, mereka bersesak-sesak gunakan lorong motosikal yang sangat merbahaya. Saya berharap kementerian akan mengambil perhatian berat dan serius dalam soal ini serta mengusahakan tindakan segera membaiki masalah ini di Bintulu.

Pada dua tahun lalu saya telah membangkitkan soalan Jalanraya Persekutuan Bintulu dalam Dewan ini untuk tindakan kementerian. Rakyat semakin mendesak kerana mempunyai alasan baik, semoga masalah ini diatasi segera. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak mengambil bahagian, kerana kita hanya ada satu hari diperuntukan. Tidak ada lagi?

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ramai. Balik Pulau.

**6.28 ptg.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini merupakan tambahan yang keempat untuk Belanjawan 1997 yang berjumlah RM9 bilion lebih untuk perbelanjaan pengurusan dan setengah bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang bermula dalam krisis ekonomi sekarang ini, pada pandangan saya telah mula menunjukkan kesan-kesan benar (real effect) pada awal krisis ini pada bulan Mac ataupun Jun ataupun Julai tahun lepas, ianya bermula dengan kejatuhan nilai Ringgit dan juga kejatuhan pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur, dan kita tahu bahawa punca-punca terjadinya kejatuhan tersebut selain daripada faktor-faktor yang berkaitan dengan kelemahan ataupun kekurangan dari segi dasar-dasar ekonomi yang telah kita laksanakan dalam beberapa tahun yang lepas, ianya berpunca dari segi kelemahan institusi yang ada. Misalnya, dalam infrastruktur institusi kewangan antarabangsa dan perdagangan antarabangsa yang ada sekarang yang membenarkan aliran modal yang begitu banyak, dengan cepat keluar-masuk telah membenarkan spekulator melakukan speculation dalam pasaran saham dan pasaran kewangan yang antara lain telah menyumbang untuk menjatuhkan nilai Ringgit, juga pasaran saham kita. Tetapi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup. Boleh sambung pada hari Isnin.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih. Saya sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*